

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXIV)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

1. Senaraikan taman rekreasi mesra binatang dalam negeri ini.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. Setakat ini, hanya terdapat satu (1) taman rekreasi mesra binatang iaitu di kawasan *lower promenade* Gurney Wharf, George Town.

Namun begitu, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mempunyai cadangan untuk mewujudkan satu (1) lagi taman rekreasi mesra binatang di sebahagian Lot 1063 Padang Polo, George Town. Kajian kebolehlaksanaan sedang dilaksanakan dan akan dimuktamadkan dalam masa terdekat.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXIV)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

2. Nyatakan bilangan pegawai pelindung kanak-kanak (child protector) yang berkhidmat di seluruh negeri serta kawasan bertugas.
 - (a) Adakah bilangan pegawai yang sedia ada mencukupi untuk menangani jumlah kes kanak-kanak yang dilaporkan pada masa ini?
 - (b) Berdasarkan penilaian jabatan, berapa jumlah pegawai pelindung kanak-kanak yang sebenarnya diperlukan bagi memastikan keberkesanan perlindungan dan pemantauan kes kanak-kanak?

YB LIM SIEW KHIM

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

2. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang mempunyai seramai 113 orang pegawai yang terdiri daripada Pegawai Pembangunan Masyarakat dan Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat di bawah lantikan Persekutuan dan Negeri. Kesemua pegawai ini telah diwartakan sebagai Pelindung di bawah Subseksyen 8(1) Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611]. Walau bagaimanapun, hanya 23% atau 26 orang pegawai yang menjalankan tugas sebagai pelindung sepenuhnya di bawah Bahagian atau Cawangan Kanak-Kanak mengikut daerah masing-masing.

Daerah	Bilangan Pelindung
Timur Laut	7
Barat Daya	5
Seberang Perai Utara	6
Seberang Perai Tengah	5
Seberang Perai Selatan	3
Jumlah	26

- (a) Bilangan pegawai yang sedia ada adalah mencukupi untuk menangani jumlah kes kanak-kanak yang dilaporkan pada masa ini. Namun, dengan mengambil kira trend peningkatan kes berkaitan kanak-kanak, Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam perancangan untuk menambah pelindung kanak-kanak bagi memastikan kebajikan, perlindungan, dan pembangunan kanak-kanak di Negeri Pulau Pinang dapat dilaksanakan secara menyeluruh dan bersepadu selaras dengan kehendak Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611].
- (b) Merujuk kepada Kajian Pengurusan Organisasi yang telah dijalankan pada tahun 2019 oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan (MAMPU) mencadangkan bahawa nisbah yang optimum dalam memaksimumkan keberkesanan produktiviti dalam keperluan pegawai mengikut kes adalah 1 pegawai : 35 kes.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXIV)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

3. Nyatakan bilangan isi rumah miskin dan miskin tegar dari tahun 2020 hingga kini mengikut daerah.
 - (a) Nyatakan program bantuan sewa rumah bagi keluarga miskin bandar (urban poor) yang terkesan dengan kenaikan kos sara hidup dengan teliti.

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. Bilangan isi rumah miskin dan miskin tegar dari tahun 2020 hingga 1 November 2025 mengikut daerah adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
 - (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) telah melaksanakan program sewaan melalui Program Rumah Sewa Kerajaan Negeri (RSKN) dan Program Perumahan Rakyat (PPR) sebagai inisiatif utama bagi membantu keluarga miskin bandar yang terkesan dengan kenaikan kos sara hidup.

LPNPP telah menawarkan lapan (8) pilihan projek dengan kadar sewa bermula serendah RM90.00 sehingga RM172.00 sebulan. Skim-skim ini direka khusus untuk membantu golongan berpendapatan rendah memiliki tempat tinggal yang selesa dan selamat di kawasan bandar. Lapan projek RSKN dan PPR adalah seperti berikut:

- (i) Taman Manggis;
- (ii) Pangsapuri Pelangi;
- (iii) Rumah Pangsa Padang Tembak;
- (iv) PPR Taman Bagan Jaya;
- (v) Rumah Pangsa Ampang Jajar;
- (vi) Rumah Pangsa Desa Wawasan;
- (vii) Rumah Pangsa Jawi III; dan
- (viii) Rumah Pangsa Nibong Tebal.

Selain itu, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) turut menyediakan skim perumahan awam bagi membantu golongan B40 dan keluarga berpendapatan rendah di seluruh negeri.

Skim Perumahan Awam di bawah Kerajaan Tempatan:

MBPP	MBSP
<ul style="list-style-type: none"> 1. Jalan Sungai/Maqbul, Kampung Selut 2. PPR Jalan Sungai 3. Taman Free School 4. Lebuah Ah Quee 5. Lebuah Cintra 6. Jalan Cantonment 7. Jalan Datuk Keramat 8. Jalan Jelutong 9. Jalan Padang Tembak 10. Jalan Gurdwara 11. Jalan Sungai 12. Jalan Shaik Madar Lintang Batu Lanchang 13. Jalan Sungai/Maqbul, Kampung Selut 	<ul style="list-style-type: none"> 1. PPR Ampangan

LAMPIRAN A

Daerah	2020	2021	2022	2023	2024	2025
	Miskin	Miskin	Miskin	Miskin	Miskin	Miskin
Seberang Perai Utara	12,384	18,709	18,389	18,495	25,848	5,225
Seberang Perai Tengah	5,574	10,548	10,531	10,234	13,806	7,210
Seberang Perai Selatan	3,037	6,784	6,851	6,957	9,555	9,962
Timur Laut	2,391	5,279	5,600	5,701	9,171	18,859
Barat Daya	2,706	6,022	6,365	6,115	7,638	6,326
Pulau Pinang	26,092	47,342	47,736	47,502	66,018	47,582

BILANGAN ISI RUMAH MISKIN DARI TAHUN 2020 HINGGA 1 NOVEMBER 2025

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXIV)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

4. Apakah Kerajaan Negeri mempunyai sistem khusus untuk mendapatkan data dan statistik terkini berkaitan kes buli di sekolah?
 - (a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri dapat memastikan akses kepada maklumat tersebut bagi merancang intervensi dan bantuan yang lebih berkesan kepada pelajar yang terlibat?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. Sistem khusus bagi mendapatkan data dan statistik kes buli di sekolah dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM) Versi 2. sekarang dikenali sebagai Sistem Pengurusan Sahsiah dalam IDMe/MOEIS.

Sistem ini digunakan di semua sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan untuk merekod kes salah laku murid termasuk kes buli secara fizikal, verbal, sosial dan siber. Di peringkat negeri, Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) melalui Unit Hal Ehwal Murid (HEM) sentiasa meneliti dan menganalisis data tersebut bagi tujuan pemantauan dan tindakan susulan.

- (a) Bagi memastikan maklumat tersebut dimanfaatkan secara berkesan, JPNPP telah melaksanakan pelbagai langkah intervensi dan pencegahan. Antara inisiatif utama ialah:

- (i) Pelaksanaan Kempen Sahsiah Terpuji bagi memperkukuh sahsiah murid dan menangani pelajar berisiko;
- (ii) Kempen Anti Buli Sekolah Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Majlis Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF), Penang Women's Development Corporation (PWDC), Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan Kerajaan Negeri;
- (iii) Latihan dan bimbingan kepada Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (PKHEM) serta kaunselor sekolah dalam pengurusan kes buli dan intervensi psikososial; dan
- (iv) Jaringan Kerjasama Pintar antara JPNPP, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Majlis Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF), Penang Women's Development Corporation (PWDC) dan NGO bagi membantu mangsa serta pelaku buli melalui pendekatan pemulihan dan sokongan bersepadu.

KPM, JPNPP, PPD akan terus bekerjasama dengan agensi berkaitan bagi memastikan data kes buli sentiasa dikemaskini dan digunakan sebagai asas kepada perancangan intervensi yang lebih strategik demi mewujudkan persekitaran sekolah yang selamat dan sejahtera.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXIV)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

5. Apakah tindakan dan program intervensi yang diambil oleh Kerajaan Negeri bersama Jabatan Pendidikan bagi menangani kes buli di sekolah yang semakin membimbangkan, termasuk insiden pelajar mengambil tindakan membunuh diri akibat tekanan emosi?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) telah melaksanakan beberapa tindakan dalam menangani kes buli di sekolah seperti berikut:
 - (a) Program Pencegahan dan Pendidikan Anti Buli melaksanakan pelbagai program kesedaran dan pencegahan secara berterusan antaranya:
 - (i) Program “Gerakan Kepimpinan Madani: Hentikan Salah Laku Buli dan Seksual” (2024–2025) di semua 396 buah sekolah di Pulau Pinang;
 - (ii) Kempen “Kami Benci Buli” yang dijalankan sepanjang tahun di sekolah melalui perhimpunan pagi dan aktiviti murid;
 - (iii) Program “*Town Hall Discussion* : Benci Buli – Cegah dan Lawan” (25 September 2025) di Dewan Sri Pinang;

- (iv) Program “Town Hall Tribunal Antibuli: #GenerasiTanpaBuli” (25 September 2025) anjuran Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang JPM dan JPNPP;
 - (v) Kempen Pencegahan Buli semasa Penang2030 Festival KOMTAR 2025; dan
 - (vi) Pemasangan bunting dan poster anti buli di semua sekolah.
- (b) Pemantauan dan Pemeriksaan “Terjah Asrama”
- (i) Dilaksanakan oleh pegawai JPNPP, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) secara lawatan mengejut (*spot check*) di semua sekolah berasrama;
 - (ii) Pemeriksaan memberi tumpuan kepada aspek keselamatan, disiplin, kebajikan dan pematuhan *Standard Operating Procedure* (SOP) asrama; dan
 - (iii) Program ini turut mendidik warden dan penghuni asrama tentang budaya “asrama selamat, beradab dan bebas buli.”
- (c) Pelaksanaan Program Duta Sahsiah & Kit Duta Sahsiah
- (i) Dilancarkan secara serentak di seluruh negeri Pulau Pinang pada 25 November 2024 melibatkan 396 buah sekolah;
 - (ii) Program ini bertujuan memupuk kepimpinan murid dan rakan sebaya sebagai ejen perubahan sahsiah positif di sekolah; dan
 - (iii) Duta Sahsiah turut memainkan peranan sebagai mentor untuk mengesan dan membantu rakan yang berisiko terlibat dalam salah laku buli atau keganasan.

- (d) Penggunaan Data Sahsiah untuk Intervensi Awal
- (i) Semua sekolah diwajibkan merekod amalan baik dan salah laku murid dalam Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM) atau *Identity Management* (IDMe) dalam *MOE Integrated System* (MOEIS);
 - (ii) Tujuan utama adalah untuk pemantauan perkembangan sahsiah, intervensi awal, dan pengiktirafan murid berkelakuan baik bukan untuk ganjaran atau anugerah semata-mata; dan
 - (iii) Data ini juga menjadi asas kepada penyediaan program intervensi sahsiah dan pencegahan buli oleh JPNPP dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).
- (e) Pengukuhan Keselamatan Fizikal dan Pengurusan Asrama
- (i) Audit keselamatan dan kebajikan asrama dilaksanakan secara berkala;
 - (ii) Pemasangan *Closed-Circuit Television* (CCTV) di asrama-asrama terpilih telah diperluaskan dengan peruntukan daripada KPM serta inisiatif sekolah;
 - (iii) Lantikan warden mengikut kadar ditetapkan oleh KPM dan semua warden mengikuti kursus pengurusan asrama untuk meningkatkan profesionalisme; dan
 - (iv) Penetapan *Key Performance Indicator* (KPI) pengisian asrama pada tahap 80% sebagai galakan kepada pihak sekolah menyediakan persekitaran kondusif dan selamat.

Melalui pelaksanaan menyeluruh Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) Bilangan 12/2023, pemantauan berterusan, kolaborasi strategik dengan agensi luar, dan pengukuhan program sahsiah murid seperti Duta Sahsiah, JPNPP komited memastikan semua sekolah di negeri ini kekal sebagai institusi pendidikan yang selamat, beradab dan bebas daripada sebarang bentuk keganasan atau buli.

Di samping itu, dalam hal berkaitan tekanan emosi pihak JPNPP melaksanakan intervensi berdasarkan sokongan psikososial dan kaunseling individu berfokus minda sihat. Tahap gerak tindak dalam pengurusan psikososial Guru Bimbingan dan Kaunseling juga telah dipertingkatkan melalui bengkel yang telah dibuat. Aspek perkhidmatan kesihatan mental dan penyediaan sokongan emosi diteruskan berdasar Garis Panduan Pengurusan Minda Sihat.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXIV)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

6. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menyediakan satu kawasan latihan tetap untuk pasukan Harimau Kumbang (Penang FC) memandangkan prestasi pasukan lain yang lebih menggalakkan kerana terdapat satu kawasan latihan tetap?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Kerajaan Negeri mengambil maklum keperluan Penang FC terhadap kemudahan latihan yang lebih baik dan bersepadu. Pada masa ini, pasukan Penang FC menggunakan (menyewa) Stadium Bandaraya Pulau Pinang serta beberapa padang latihan persendirian serta padang di bawah seliaan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).

Kerajaan Negeri sedang meneliti beberapa lokasi yang berpotensi untuk dijadikan kawasan latihan tetap bagi pasukan Penang FC melalui perbincangan bersama pasukan tersebut, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) dan agensi berkaitan. Namun begitu, cadangan ini masih di peringkat kajian awal tertakluk kepada kemampuan kewangan dan perancangan pembangunan sukan negeri secara menyeluruh.

Kerajaan Negeri memahami kepentingan untuk kelab profesional seperti Penang FC bagi mempunyai padang kerana ia membolehkan perancangan latihan dilakukan dengan lebih teratur tanpa bergantung kepada jadual penggunaan padang pihak lain.

Selain itu, dengan adanya kawasan latihan, pastinya dapat membantu meningkatkan prestasi pasukan, memberi kemudahan kepada semua peringkat skuad termasuk Piala Belia dan Piala Presiden serta membina identiti dan pusat tumpuan pembangunan bola sepak negeri yang lebih tersusun, efisien dan profesional.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXIV)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

7. Semasa pembinaan *Light Rail Transit* (LRT), kesesakan lalu lintas dijangka di kawasan Barat Daya, khususnya *Free Trade Zone* (FTZ).
- (a) Apakah pelan pengurusan trafik yang dirangka bagi memastikan kelancaran aliran kenderaan di FTZ dan Bayan Lepas?
 - (b) Adakah laluan alternatif atau jalan sementara akan disediakan untuk pekerja industri dan penduduk?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. (a) Pelan Pengurusan Trafik (Traffic Management Plan) telah dirangka oleh pihak MRT Corporation (MRTC) bagi memastikan kelancaran aliran kenderaan di kawasan *Free Trade Zone* (FTZ) dan Bayan Lepas. Pelaksanaan TMP ini memberi fokus kepada kawasan sekitar lokasi stesen-stesen LRT di Bayan Lepas dan aliran trafik di antara George Town dan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, termasuk kawasan *Free Industrial Zone* (FIZ).

MRTC telah disyaratkan melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) untuk menyediakan TMP bagi setiap stesen bermula dari George Town hingga ke Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang supaya langkah mitigasi dapat dianalisis dan dilaksanakan dengan lebih terperinci.

Langkah-langkah mitigasi utama yang akan dilaksanakan oleh pihak MRTC termasuklah:-

- (i) Mengeluarkan lampu isyarat di persimpangan Jalan Tengah / Jalan Sultan Azlan Shah dan menjadikan persimpangan tersebut sebagai belokan kiri sahaja (*left in, left out*);
- (ii) Menaik taraf pusingan U di Jalan Mahsuri;
- (iii) Menyediakan satu pusingan U baharu di Jalan Sultan Azlan Shah iaitu sebelum persimpangan Jalan Sultan Azlan Shah / Jalan Mayang Pasir;
- (iv) Membuka satu laluan baharu di jalan khidmat Jalan Sultan Azlan Shah, dari jalan *bund* menuju ke FIZ 4;
- (v) Melaksanakan kerja-kerja pelebaran jalan di Jalan Sultan Azlan Shah (sekitar kawasan FIZ) bagi mengekalkan enam (6) lorong lalu lintas dua hala;
- (vi) Bagi mengurangkan kesesakan trafik sepanjang tempoh pembinaan, beberapa persimpangan lampu isyarat juga akan disusun semula (*reconfigured*) oleh pihak MRTC bagi memperbaiki aliran kenderaan; dan
- (vii) Laluan bebas henti (*free-flow traffic*) akan diperkenalkan di persimpangan Jalan Tengah serta pusingan U bebas henti (*free-flow U-turn*) di Jalan Sultan Azlan Shah berhadapan dengan kilang RENESAS untuk trafik menghala ke George Town dan Bayan Baru.

Langkah-langkah ini bertujuan untuk meminimumkan impak terhadap trafik sedia ada, memastikan pergerakan kenderaan kekal lancar, dan meningkatkan kecekapan aliran trafik di kawasan FIZ dan Bayan Lepas sepanjang tempoh pembinaan LRT Laluan Mutiara.

Pelaksanaan TMP ini dijangka bermula pada pertengahan bulan Januari 2026 sehingga Disember 2028 untuk tempoh 38 bulan.

- (b) Pihak MRTC juga akan menyediakan laluan alternatif dan pengalihan trafik dan diurus sebagai sebahagian daripada pelan pengurusan trafik (TMP) yang diluluskan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang pada 14 Oktober 2025 dan TMP ini juga akan disemak semula dan ditambah baik secara bulanan bagi perancangan masa depan. Maklumat lebih terperinci boleh didapati menerusi laman media sosial LRT Laluan Mutiara dan laman web rasmi MRTC.

Laluan alternatif untuk pekerja kilang dan penduduk di kawasan perindustrian bebas (FIZ) Bayan Lepas telah diberi pertimbangan secara terperinci. TMP tersebut dan cadangan laluan alternatif juga telah dibentangkan dalam satu sesi libat urus bersama pihak berkepentingan yang dianjurkan oleh Invest Penang pada 2 Oktober lalu untuk pemakluman awal warga FIZ dan penduduk.

Selain langkah-langkah itu, pihak industri di FIZ telah dinasihatkan untuk merancang langkah mitigasi seperti waktu bekerja fleksibel atau *staggered working hours*, *car-pooling* dan perancangan perjalanan bagi mengurangkan impak kepada pekerja. Sementara itu, pekerja di kawasan FIZ dan sekitar juga disaran untuk menggunakan perkhidmatan bas awam untuk mengurangkan kesesakan jalanraya di kawasan terbabit sepanjang kerja-kerja pembinaan dijalankan.

Sementara pihak pemaju dan kontraktor akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk meminimumkan kesan projek terhadap keadaan trafik dari semasa ke semasa. Para pengguna jalan raya juga boleh merujuk kepada laman web dan saluran media sosial projek Laluan Mutiara untuk mendapatkan maklumat laluan alternatif dan pengumuman trafik terkini.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXIV)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

8. Masalah kecurian kabel Telekom Malaysia dan penutup lubang (manhole cover) sering berlaku di banyak tempat, membahayakan pengguna jalan raya dan pejalan kaki. Terangkan langkah koordinasi antara PBT, TM dan pihak polis untuk menangani isu ini secara menyeluruh dan teliti.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. Telekom Malaysia (TM) memandang serius terhadap insiden kecurian kabel dan vandalisme yang melibatkan aset-aset TM memandangkan kejadian seumpama ini berlaku hampir setiap hari. Pihak Keselamatan dan Operasi Rangkaian TM sentiasa bekerjasama rapat dengan agensi keselamatan khususnya Pengawal Keselamatan Sukarela (PKS) Pulau Pinang dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melalui saluran komunikasi harian bagi membanteras aktiviti kecurian kabel tersebut. Selain itu, TM turut melaksanakan inisiatif dalaman secara berperingkat untuk mengeluarkan kabel-kabel tembaga yang tidak lagi digunakan dalam penyediaan perkhidmatan talian.

Dalam masa yang sama, TM tidak menafikan bahawa kemungkinan terdapat lokasi-lokasi tertentu yang terlepas daripada pemantauan memandangkan kegiatan ini dijalankan oleh pelbagai sindiket di lokasi yang berbeza pada setiap malam. Tambahan pula, antara cabaran lain yang dihadapi ialah tindakan sindiket yang membuka penutup *manhole* yang tidak lagi

mengandung kabel tembaga lalu meninggalkannya dalam keadaan terbuka.

Bagi membendung kes kecurian kabel dan *manhole* dari terus meningkat, pihak polis Kontinjen Pulau Pinang telah mengambil beberapa langkah koordinasi bersama syarikat utiliti dan agensi Kerajaan Negeri seperti berikut:

- (i) Mengadakan Operasi Bersepadu bersama syarikat utiliti dan agensi Kerajaan Negeri seperti TM, Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan PBT disamping mempertingkatkan operasi-operasi sedia ada secara berkala seperti Op Pintu, Op Luluh dan Op Lejang;
- (ii) Menubuhkan '*Task Force*' di peringkat Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) dan Ibu Pejabat Daerah (IPD);
- (iii) Pemantauan berterusan dan serbuan ke atas stor penyimpanan, bengkel dan pusat kitar semula yang disyaki membeli kabel curi dan besi buruk;
- (iv) Meningkatkan rondaan oleh Unit Rondaan Bermotosikal (URB) dan Rondaan Kereta Peronda (MPV) di tempat-tempat yang sering berlaku jenayah khususnya kes kecurian kabel;
- (v) Mesyuarat penyelarasan berkala antara PDRM dan syarikat utiliti; dan
- (vi) Bekerjasama dengan PBT untuk menggantung lesen perniagaan syarikat yang terlibat dalam aktiviti menyalahi undang-undang.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXIV)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

9. Apakah strategi Kerajaan Negeri untuk membantu peniaga kecil dan mikro di Bukit Mertajam beralih ke platform digital untuk menyesuaikan diri dengan ekonomi e-dagang, terutamanya selepas pandemik COVID-19?

YB DATO' RASHIDI BIN ZINOL

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

9. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Portfolio Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan dan Luar Bandar sentiasa komited memperkasa perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) agar terus berdaya saing dalam ekonomi digital, khususnya pasca pandemik COVID-19. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan melalui agensi pelaksana seperti Digital Penang bagi membantu peniaga kecil beralih ke platform digital dan menyesuaikan diri dengan perkembangan ekonomi e-dagang.

Antara program utama ialah MSME Level Up (MELUP) Program yang dilaksanakan di Butterworth Digital Library, bertujuan memberi pendedahan kepada komuniti perniagaan mengenai strategi pendigitalan, penggunaan platform e-dagang dan pemasaran digital. Selain itu, kelas-kelas digital turut dilaksanakan di beberapa Pusat Ekonomi Digital Keluarga Malaysia (PEDi) yang dahulunya dikenali sebagai Pusat Internet Komuniti dan kini dijenamakan di bawah inisiatif NADI Digital di sekitar Bukit Mertajam seperti di PEDi Machang Bubok, Padang Lalang, Berapit, Kubang Semang dan Bukit Tengah. Antara program yang dijalankan termasuk kelas TikTok *Affiliate*, yang membantu usahawan kecil memanfaatkan platform media sosial

bagi memperluas pasaran dan meningkatkan jualan secara dalam talian.

Pada masa yang sama, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) turut melaksanakan pelbagai inisiatif digital seperti SPEEDBiz untuk pengurusan lesen perniagaan secara dalam talian, Sistem Sewaan Gerai MBSP, serta Sistem ASPIRE bagi kemudahan akses pelbagai perkhidmatan majlis. Melalui pelaksanaan bersepadu ini, peniaga kecil di Bukit Mertajam dan seluruh negeri menikmati manfaat secara langsung melalui peningkatan kemahiran digital, kemudahan urusan atas talian dan bimbingan keusahawanan. Usaha ini selaras dengan matlamat Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai hab ekonomi digital yang inklusif dan berdaya saing di rantau ini.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXIV)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

10. Penduduk Taman Sentosa dan sekeliling sering diganggu oleh monyet liar.
- (a) Apakah langkah telah diambil? Nyatakan keberkesannya dengan teliti.
 - (b) Apakah perancangan jangka panjang bagi mengurangkan ancaman monyet kepada keselamatan penduduk?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. (a) Langkah Yang Telah Diambil Dan Keberkesanannya

Bagi menangani aduan gangguan monyet liar di kawasan Taman Sentosa dan kawasan sekitarnya, Jabatan Perhilitan telah melaksanakan beberapa langkah seperti berikut:

- (i) Terimaan dan Siasatan Aduan
Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) telah menjalankan siasatan terhadap aduan lengkap yang diterima bagi mengenal pasti spesies yang terlibat serta menilai tahap ancaman kepada penduduk. Pada Julai 2025, siasatan lapangan telah dijalankan di Taman Sentosa dan Taman Bukit Indah, mendapati kehadiran kumpulan kera yang aktif di kawasan

perumahan berhampiran kawasan berpokok dan sumber makanan terbuka.

- (ii) **Khidmat Nasihat kepada Penduduk**
Pihak PERHILITAN telah memberikan nasihat kepada penduduk setempat berhubung pengurusan sisa domestik dan kebersihan kawasan perumahan, bagi mengurangkan tarikan makanan yang menyebabkan kera berkeliaran. Penduduk turut dimaklumkan agar tidak memberi makan atau membuang sisa makanan secara terbuka.
- (iii) **Pemasangan Perangkap**
Satu unit perangkap telah dipasang di Taman Bukit Indah pada pertengahan Julai 2025, dan langkah ini berjaya memerangkap lima (5) ekor kera dalam tempoh dua minggu pertama. Operasi pemindahan dijalankan secara berperingkat ke habitat sesuai yang jauh daripada kawasan perumahan.
- (iv) **Pemantauan dan Rondaan Berterusan**
Rondaan dan pemantauan dijalankan sebanyak 1 hingga 2 kali seminggu bagi menilai keberkesanan perangkap serta memastikan populasi kera berada pada tahap terkawal.

(b) **Perancangan Jangka Panjang**

Bagi mengurangkan gangguan hidupan liar seperti kera di kawasan perumahan, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) telah merangka beberapa langkah jangka panjang seperti berikut:

- (i) **Khidmat Nasihat kepada Penduduk**
Memberikan penerangan dan bimbingan kepada penduduk setempat mengenai kepentingan pengurusan sisa domestik yang teratur serta memastikan kawasan persekitaran sentiasa bersih dan bebas daripada sumber makanan terbuka yang boleh menarik perhatian kera. Langkah ini bertujuan mengurangkan interaksi antara manusia dan hidupan liar.

- (ii) **Pemasangan Perangkap dan Pemindahan Kera**
Melaksanakan aktiviti pemasangan perangkap secara berkala di kawasan berisiko tinggi dengan kerjasama penduduk setempat bagi mengawal populasi kera. Kera yang berjaya ditangkap akan dipindahkan ke habitat yang lebih sesuai dan jauh daripada kawasan penempatan manusia.

- (iii) **Operasi Basmi Musuh Tanaman (Kera)**
Sekiranya gangguan kera menimbulkan ancaman keselamatan serius kepada penduduk, pihak PERHILITAN akan melaksanakan Operasi Basmi Musuh Tanaman (Kera) menggunakan senjata api oleh pegawai yang bertauliah. Operasi ini dilaksanakan mengikut prosedur keselamatan dan garis panduan yang ditetapkan bagi memastikan tindakan dijalankan dengan berhemah dan berkesan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXIV)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

11. Nyatakan langkah-langkah pencegahan dan kawalan yang telah dan akan dilaksanakan oleh Jabatan Kesihatan Negeri bagi menangani penularan wabak influenza di sekolah-sekolah Pulau Pinang.

YB GOOI ZI SEN

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

11. Jangkitan influenza merupakan penyakit yang tidak wajib dilaporkan atau dinotifikasikan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] melainkan berlakunya wabak influenza. Namun begitu, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) senantiasanya memantau jangkitan influenza melalui surveilan di klinik sentinel seluruh Negeri Pulau Pinang.

Sebagai usaha membendung jangkitan influenza, JKNPP melalui Pejabat Kesihatan Daerah telah mengadakan sesi "*Townhall Meeting*" bersama institusi-institusi pendidikan bagi mengekang penularan penyakit berjangkit termasuk influenza, melalui langkah-langkah seperti berikut:

- (i) Guru perlu menasihati pelajar yang bergejala supaya tidak memasuki kelas dan segera mendapatkan rawatan;
- (ii) Guru disarankan untuk memperkukuhkan pendidikan kesihatan bagi menggalakkan kawalan sendiri dan tanggungjawab bersama;

- (iii) Pihak sekolah disaran membuat pelaporan awal kepada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) berdekatan agar tindakan pencegahan dan kawalan dapat dilaksanakan dengan segera dan berkesan;
- (iv) Ibu bapa perlu memastikan anak di bawah tanggungan masing-masing tidak mempunyai gejala influenza seperti demam, selesema dan batuk sebelum menghantar anak ke sekolah; dan
- (v) Ibu bapa dinasihatkan memantau keadaan anak yang mempunyai gejala influenza. Sekiranya gejala bertambah teruk, pelajar tersebut perlu mendapatkan rawatan ulangan dengan segera bagi mencegah berlakunya komplikasi.

Selari dengan Pemakluman Garis Panduan Pencegahan Penularan Jangkitan *Influenza-Like Illness* di Institut Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 30 Jun 2022, pihak Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) telah mengeluarkan surat kepada semua sekolah bertarikh 6 Oktober 2025 berhubung penularan influenza di institusi pendidikan.

Surat kedua pula telah dikeluarkan pada 10 Oktober 2025 berkaitan kenyataan media berhubung penularan influenza di institusi pendidikan dengan menjelaskan langkah-langkah bagi mengekang penularan influenza.

Bagi penularan influenza di pasar raya seluruh Negeri Pulau Pinang, Cawangan Promosi Kesihatan JKNPP telah menjalankan hebahan tentang jangkitan influenza di pusat membeli-belah, pasar, kawasan perumahan dan kawasan tumpuan orang ramai untuk meningkatkan kefahaman orang ramai tentang jangkitan influenza dan cara-cara mencegah mendapat jangkitan. Hebahan melalui media sosial juga dilakukan melalui Jabatan Penerangan Pulau Pinang.

Selain daripada itu, program imunisasi pemberian vaksin influenza percuma kepada warga emas yang mempunyai sekurang-kurangnya satu penyakit kronik telah

dilancarkan pada awal tahun ini dan dilaksanakan di 24 klinik kesihatan di seluruh Negeri Pulau Pinang. Usaha ini adalah untuk mengelakkan komplikasi bagi melindungi golongan berisiko tinggi antaranya pesakit diabetes, jantung, hipertensi, obesiti (BMI melebihi 30) dan buah pinggang kronik.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXIV)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

12. Senaraikan semua syarikat berkaitan Kerajaan Negeri (GLC) berserta jumlah bajet tahunan bagi tahun 2023 hingga 2026.
- (a) Adakah Kerajaan Negeri mempertimbangkan penggabungan agensi atau anak syarikat yang mempunyai fungsi bertindih, atau penangguhan operasi GLC tertentu demi pengurusan kewangan yang lebih lestari?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

12. Terdapat tujuh belas (17) Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri (GLC) di bawah Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) dan satu (1) di bawah Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri (SSI). Jumlah peruntukan yang diterima oleh lapan belas (18) GLC ini dari tahun 2023 hingga 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN A**. Peruntukan bajet bagi tahun 2026 akan dibentangkan oleh Jabatan Kewangan Negeri berdasarkan keperluan perbelanjaan oleh GLC dan tertakluk kepada kedudukan kewangan Kerajaan Negeri.
- (a) Terdapat sembilan (9) daripada lapan belas (18) GLC yang mempunyai peranan dan fungsi yang hampir sama iaitu:
- (i) Penang Science Cluster, Penang STEM Sdn. Bhd. dan Penang Tech Centre
- (1) Ketiga-tiga GLC ini mempunyai fungsi hampir sama iaitu menyediakan pendidikan dan latihan dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan

Matematik (STEM) serta Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Kesemua GLC ini berpotensi untuk digabungkan di bawah satu organisasi yang menumpukan kepada pembangunan STEM;

- (ii) Penang Global Tourism (PGT) dan Penang International Convention and Exhibition Bureau (PICEB) Sdn. Bhd.

- (1) Kedua-duanya berperanan dalam mempromosikan aktiviti pelancongan di Pulau Pinang;

- (iii) Penang Women's Development Corporation (PWDC) Sdn. Bhd. dan Penang Youth Development Corporation (PYDC) Strategies Sdn. Bhd.

- (1) Kedua-dua GLC ini memberi tumpuan kepada pembangunan wanita dan belia secara holistik, termasuk memperkasakan penyertaan wanita dan belia dalam bidang ekonomi serta mencapai kesaksamaan gender; dan

- (iv) George Town World Heritage Incorporated (GTWHI) dan George Town Conservation dan Development Corporation (GT CDC) Sdn. Bhd.

- (1) Kedua-dua GLC ini terlibat dalam pengurusan Tapak Warisan Dunia George Town dengan memelihara, melindungi dan mempromosikan Outstanding Universal Value (OUV) kawasan warisan berkenaan.

Kerajaan Negeri masih mempertimbangkan cadangan penggabungan GLC yang mempunyai fungsi dan peranan yang hampir sama. Walau bagaimanapun, perkara ini masih di peringkat perancangan awal memandangkan setiap GLC mempunyai program tersendiri serta telah menerima tajaan daripada syarikat-syarikat korporat.

LAMPIRAN A

Sumbangan kewangan/geran kepada GLC di bawah CMI dan SSI dari Tahun 2018 hingga Okt 2025

Bil.	Senarai GLC	Tahun	Perkara		Jumlah
			Sumbangan geran daripada Kerajaan Negeri	Sumber kewangan daripada sumber lain	
SSI					
1.	Invest-In-Penang Bhd.	2018	Tiada	RM4,000,000.00	RM4,000,000.00
		2019	Tiada	RM4,820,000.00	RM4,820,000.00
		2020	RM1,000,000.00	RM1,000,000.00 (PDC)	RM2,000,000.00
		2021	RM1,800,000.00	RM1,800,000.00 (PDC)	RM3,600,000.00
		2022	RM1,750,000.00	RM1,750,000.00 (PDC)	RM3,500,000.00
		2023	RM1,750,000.00	RM 1,750,000.00 (PDC)	RM3,500,000.00
		2024	RM1,000,000.00	RM1,800,000.00 (PDC)	RM2,800,000.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM400,000.00	RM3,000,000.00 (PDC)	RM3,400,000.00

Bil.	Senarai GLC	Tahun	Perkara		Jumlah		
			Sumbangan geran daripada Kerajaan Negeri	Sumber kewangan daripada sumber lain			
CMI							
2.	George Town World Heritage Incorporated	2018	RM2,700,000.00	Tiada	RM2,700,000.00		
		2019	RM2,700,000.00		RM2,700,000.00		
		2020	RM3,200,000.00		RM3,200,000.00		
		2021	RM 3,200,000.00		RM 3,200,000.00		
		2022	RM3,200,000.00		RM3,200,000.00		
		2023	RM3,200,000.00		RM3,200,000.00		
		2024	RM2,750,000.00		RM2,750,000.00		
		2025 (Sehingga 30 September)	RM1,968,754.00		RM1,968,754.00		
		3.	PGC Strategies Sdn. Bhd. (Penang Green Council)	2018	RM3,695,000.00	RM112,534.00	RM3,807,534.00
				2019	Tiada	RM389,062.00	RM389,062.00
2020	RM500,000.00			RM201,070.00	RM701,070.00		
2021	RM1,500,000.00			RM168,139.00	RM1,668,139.00		
2022	RM1,500,000.00			RM493,269.00	RM1,993,269.00		
2023	RM2,000,000.00			RM633,062.00	RM2,633,062.00		
2024	RM1,500,000.00			RM836,783.00	RM2,336,785.00		
2025 (Sehingga 30 September)	RM1,712,500.00			RM515,700.00	RM2,228,200.00		

4.	Digital Penang Sdn. Bhd.	2020	RM964,591.00		RM964,591.00		RM964,591.00
		2021	RM2,905,578.00		RM2,905,578.00	RM59,700.00	RM2,965,278.00
		2022	RM3,929,634.00		RM3,929,634.00	RM17,000.00	RM3,946,634.00
		2023	RM4,500,000.00		RM4,500,000.00	RM402,800.00	RM4,902,800.00
		2024	RM5,375,800.00		RM5,375,800.00	RM42,100.00	RM5,417,900.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM2,462,500		RM2,462,500	RM1,675,000.00	RM4,137,500.00
5.	George Town Conservation Development Corporation Sdn. Bhd. (GTCDC)	2018	-		-		-
		2019	-		-		-
		2020	-		-		-
		2021	-		-		-
		2022	-		-		-
		2023	-		-		-
		2024	RM425,000.00		RM425,000.00		RM425,000.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM382,000.00		RM382,000.00		RM382,000.00
		2020	RM5,135,350.00		RM5,135,350.00	Tiada	RM5,135,350.00
		2021	RM8,736,495.90		RM8,736,495.90		RM8,736,495.90
2022	RM7,695,710.00		RM7,695,710.00		RM7,695,710.00		
2023	Tiada		Tiada		Tiada		
2024	RM4,000,000.00		RM4,000,000.00		RM4,000,000.00		
2025 (Sehingga 30 September)	RM4,000,000.00		RM4,000,000.00		RM4,000,000.00		
7.	Penang Halal International Sdn. Bhd.	2018	RM820,000.00		RM820,000.00	Tiada	RM820,000.00
		2019	RM1,000,000.00		RM1,000,000.00		RM1,000,000.00
		2020	RM1,000,000.00		RM1,000,000.00		RM1,000,000.00
		2021	RM1,000,000.00		RM1,000,000.00		RM1,000,000.00

		2022	RM630,000.00	RM219,290.00	RM849,290.00
		2023	RM650,000.00	RM712,387.00	RM1,362,387.00
		2024	RM600,000.00	RM468,905.00	RM1,068,905.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM405,000.00	RM509,408.00	RM914,408.00
11.	Penang Global Tourism Sdn. Bhd.	2018	RM7,361,300.00	RM9,038,600.00	RM16,399,900.00
		2019	RM7,402,000.00	RM8,126,350.00	RM15,528,350.00
		2020	RM7,050,000.00	RM9,229,041.00	RM16,279,041.00
		2021	RM5,530,000.00	RM6,208,105.00	RM11,738,105.00
		2022	RM6,480,000.00	RM9,561,262.00	RM16,041,262.00
		2023	RM7,300,000.00	RM11,179,112.00	RM18,479,112.00
		2024	RM4,947,720.00	RM6,490,836.00	RM11,438,556.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM3,000,000.00	RM5,181,501.00	RM8,181,501.00
12.	Penang Convention & Exhibition Bureau (PICEB Sdn. Bhd.)	2018	RM4,890,868.00	Tiada	RM4,890,868.00
		2019	RM8,643,945.00	RM33,375.00	RM8,677,320.00
		2020	RM6,141,156.00	RM54,826.00	RM6,195,982.00
		2021	RM4,231,087.00	RM14,900.00	RM4,245,987.00
		2022	RM5,683,418.00	RM53,297.00	RM2,736,715.00
		2023	RM5,737,863.00	RM33,727.00	RM5,771,590.00
		2024	RM7,538,552.00	RM14,000.00	RM7,552,552.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM5,170,200.00	RM20,000.00	RM5,170,200.00

13. Penang Youth Development Corporation (PYDC Strategies Sdn. Bhd.)	2018	RM 1,857,250	RM 24,095	RM 1,881,345	
	2019	RM 820,000	RM 84,105	RM 904,105	
	2020	RM820,000.00	RM65,546.00	RM885,546.00	
	2021	RM1,000,000.00	RM78,574.00	RM1,078,574.00	
	2022	RM2,187,159.00	RM259,110.00	RM2,446,269.00	
	2023	RM2,528,159.00	RM259,110.00	RM2,787,269.00	
	2024	RM700,000.00	RM305,852.00	RM1,005,852.00	
	2025 (Sehingga 30 September)	RM1,130,000.00	RM67,980.00	RM1,197,980.00	
	14. Penang FC Sdn. Bhd.	2021	RM8,855,062.00	RM2,900,836.00	RM11,755,898.00
		2022	RM12,500,000.00	RM3,523,848.00	RM16,023,848.00
2023		RM12,200,000.00	RM3,292,899.00	RM15,492,899.00	
2024		RM10,200,000.00	RM1,674,600.00	RM11,874,600.00	
2025 (Sehingga 30 September)		RM6,000,000.00	RM933,449.00	RM6,933,449.00	
15. Penang Women's Development Corporation Sdn. Bhd. (PWDC)	2020	RM1,500,000.00	RM418,620.00	RM1,918,620.00	
	2021	RM2,500,000.00	RM387,556.00	RM2,887,556.00	
	2022	RM2,500,000.00	RM524,330.00	RM3,024,330.00	
	2023	RM2,500,000.00	RM877,939.00	RM3,377,939.00	
	2024	RM1,500,000.00	RM608,437.00	RM2,108,437.00	
	2025 (Sehingga 30 September)	RM1,175,000.00	RM448,221.00	RM1,623,221.00	

16.	Penang Harmony Corporation Sdn. Bhd. (HARMONICO)	2021	RM350,576.00	RM4,035.00	RM354,611.00
		2022	RM1,218,284.00	RM28,382.00	RM1,246,666.00
		2023	RM1,266,859.00	RM30,383.00	RM1,297,242.00
		2024	RM1,230,363.00	RM120,507.00	RM1,350,870.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM776,250.00	RM131,562.50	RM907,812.00
17.	Penang Agrotech Sdn. Bhd	Ditubuhkan pada 15 Oktober 2025. Peruntukan yang diluluskan untuk tahun 2025 adalah sebanyak RM204,412.00 tetapi belum diterima.			
18.	Penang Waste Management Corporation Sdn. Bhd.	Ditubuhkan pada 15 Oktober 2025			

LAMPIRAN B

Tujuan atau jenis perbelanjaan yang ditetapkan oleh GLC

Bil.	Nama GLC	Tujuan/Jenis Perbelanjaan
SSI		
1.	Invest-In Penang Berhad	<p>Perbelanjaan Invest-in-Penang Berhad tertumpu kepada pelaksanaan mandat utama sebagai agensi promosi pelaburan, iaitu mempromosikan serta menarik pelaburan asing dan domestik melalui pelaksanaan misi pelaburan, seminar dan program promosi, pembangunan ekosistem industri, termasuk program peningkatan keupayaan syarikat tempatan, pembangunan bakat serta penyelidikan pasaran.</p> <p>Selain itu, perbelanjaan turut merangkumi aspek operasi dan pentadbiran bagi memastikan tadbir urus yang baik serta penyampaian perkhidmatan yang berkesan.</p> <p>Jenis perbelanjaan yang ditetapkan dibentangkan dan diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah setiap tahun.</p>
CMI		
2.	Penang Global Tourism Sdn. Bhd.	<p>Perbelanjaan digunakan bagi tujuan operasi, penganjuran acara serta promosi pelancongan, selaras dengan objektif penubuhan GLC untuk menyokong inisiatif pelancongan negeri. Semua perbelanjaan direkod dan dilapor mengikut SOP PGTSB bagi memastikan ketelusan dan akauntabiliti.</p>

Bil.	Nama GLC	Tujuan/Jenis Perbelanjaan
3.	Penang Convention & Exhibition Bureau (PICEB Sdn. Bhd.)	Perbelanjaan melibatkan pentadbiran syarikat, promosi dan pemasaran & komunikasi. dalam mengurus, mempromosi, memasarkan dan menjalankan aktiviti berkaitan dengan lokasi pameran, persidangan dan konvensyen, kemudahan dan fasiliti, penganjuran, penasihat bagi semua jenis projek tempatan dan antarabangsa yang melibatkan acara perniagaan bagi badan korporat, syarikat, individu, jabatan kerajaan dan swasta.
4.	George Town World Heritage Incorporated	Perbelanjaan adalah untuk membiayai pembayaran operasi dan pelaksanaan aktiviti dalam pengurusan dan pemeliharaan Tapak Warisan Dunia (<i>World Heritage Site Manager</i>) UNESCO George Town.
5.	Penang Women's Development Corporation (PWDC Sdn. Bhd.)	Perbelanjaan emolomen, kos operasi serta program-program PWDC juga dijalankan dengan fokus kepada pemerksaan wanita serta pembinaan kapasiti dan komuniti di sektor awam dan swasta.
6.	Penang Harmony Corporation Sdn. Bhd. (HARMONICO)	Perbelanjaan merangkumi kos merancang dasar dan melaksanakan program bagi mempromosikan masyarakat inklusif dan harmoni serta bertindak sebagai agensi pelaksana MMK Hal Ehwal Bukan Islam, Pulau Pinang.
7.	Digital Penang Sdn. Bhd.	Perbelanjaan Operasi: Kos pengurusan dan pentadbiran harian syarikat termasuk emolomen dan perkhidmatan mengurus syarikat. Perbelanjaan Program: Melibatkan pelaksanaan inisiatif di bawah empat tonggak utama strategi Digital Penang—Ekonomi Digital, Infrastruktur Digital, Masyarakat

Bil.	Nama GLC	Tujuan/Jenis Perbelanjaan
		<p>Digital, dan Kerajaan Digital. Jenis perbelanjaan termasuk pengurusan program, bayaran sewa, gaji pengajar untuk kelas atau latihan keusahawanan dan kemahiran digital, pemberian geran kepada start-ups, sumbangan/penajaan kepada universiti dan rakan strategik, serta percetakan dan bahan promosi untuk penyampaian maklumat, pemasaran, dan penglibatan awam.</p>
8.	Penang Stem Sdn. Bhd.	<p>Perbelanjaan merangkumi kos bagi melaksanakan program bertujuan membangunkan minat pelajar peringkat rendah dan menengah dalam STEM melalui aktiviti hands-on yang menyeronokkan, serta memberi inspirasi kepada pelajar untuk memilih aliran STEM di peringkat menengah atas bagi membentuk bakat masa depan dalam bidang berkaitan.</p>
9.	Penang Science Cluster	<p>Perbelanjaan merangkumi kos menjalankan program STEM bagi membangunkan tenaga kerja masa depan Pulau Pinang.</p>
10.	PGC Strategies Sdn. Bhd (Penang Green Council)	<p>Perbelanjaan merangkumi kos operasi, pengurusan, serta pelaksanaan program atau projek untuk pendidikan dan kesedaran awam bagi manfaat alam sekitar dan masyarakat Pulau Pinang.</p>
11.	Penang Tech Centre	<p>Perbelanjaan syarikat dibahagikan kepada empat kategori utama iaitu Operasi (OPEX), Pembangunan (CAPEX), CSR/Sosial, dan Tadbir Urus serta Audit.</p> <p>Perbelanjaan Operasi (OPEX) meliputi kos harian bagi melaksanakan aktiviti syarikat seperti gaji, utiliti, sewaan dan penyelenggaraan.</p>

Bil.	Nama GLC	Tujuan/Jenis Perbelanjaan
		<p>Pembangunan (CAPEX) pula melibatkan pelaburan jangka panjang atau perolehan aset baharu seperti pembinaan, pembelian peralatan dan naik taraf sistem bagi meningkatkan kecekapan operasi.</p> <p>Kategori CSR/Sosial memberi tumpuan kepada sumbangan kepada masyarakat dan negeri melalui bantuan pendidikan serta program kelestarian.</p> <p>Tadbir Urus dan Audit memastikan pematuhan dan ketelusan korporat melalui yuran audit, perkhidmatan perundingan dan latihan pematuhan.</p>
12.	PYDC Strategies Sdn. Bhd.	<p>Tujuan atau jenis perbelanjaan yang ditetapkan oleh PYDC adalah selaras dengan peranan utamanya sebagai sebuah GLC yang bertanggungjawab melaksanakan inisiatif pembangunan belia dari pelbagai aspek termasuk kesukarelawanan, kepimpinan, belia berpersatuan, keusahawanan, kemahiran insaniah dan keterlibatan komuniti.</p> <p>Secara keseluruhannya, perbelanjaan PYDC tertumpu kepada dua komponen utama iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Perbelanjaan Operasi, yang meliputi kos emolumen, utiliti, sewaan, penyelenggaraan aset, perkhidmatan sokongan serta perbelanjaan pentadbiran harian organisasi bagi memastikan keberkesanan fungsi pengurusan dalaman; dan 2. Perbelanjaan Program dan Aktiviti Pembangunan Belia, yang merangkumi pelaksanaan program aktiviti komuniti, kem Latihan/kepimpinan, seminar,

Bil.	Nama GLC	Tujuan/Jenis Perbelanjaan
		<p>bengkel serta kolaborasi strategik dengan pelbagai agensi dan sektor bagi memperkasa potensi dan penyertaan aktif golongan belia di negeri Pulau Pinang.</p>
13.	Penang FC Sdn. Bhd.	<p>Tujuan perbelanjaan merangkumi kos menjalankan aktiviti liga dan kejohanan domestik, pembangunan bakat dan pemain muda melalui akademi dan program akar umbi, pentadbiran dan operasi kelab, penyelenggaraan kemudahan dan infrastruktur sukan, promosi, pemasaran dan penajaan hasil, serta tanggungjawab sosial korporat melalui program komuniti dan penglibatan masyarakat.</p> <p>Jenis perbelanjaan kelab bola sepak profesional merangkumi emolumen dan gaji, pengurusan pasukan, peralatan dan kelengkapan sukan, operasi dan pentadbiran, penyelenggaraan stadium dan padang latihan, promosi dan pemasaran, yuran serta lesen, CSR dan program komuniti, serta perbelanjaan lain seperti insurans, rawatan perubatan dan pampasan kontrak.</p>
14.	Penang Halal International Sdn. Bhd.	<p>Geran diterima digunakan untuk kos operasi dan pentadbiran syarikat serta pelaksanaan aktiviti termasuk promosi dalam dan luar negara, pembangunan usahawan (termasuk usahawan Halal), latihan pensijilan Halal, dan pengukuhan industri Halal Pulau Pinang.</p>
15.	Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd. (PIC)	<p>Perbelanjaan digunakan untuk kos operasi termasuk emolumen, tuntutan, perkhidmatan dan bekalan, serta meliputi bayaran sewaan dan penyelenggaraan pejabat, perkhidmatan setiausaha, audit dan cukai, penyelenggaraan kenderaan</p>

Bil.	Nama GLC	Tujuan/Jenis Perbelanjaan
		dan sistem IT, serta program promosi dan penjenamaan termasuk lawatan luar negara untuk mempromosi inisiatif Kerajaan Negeri.
16.	George Town Conservation & Development Corporation Sdn. Bhd. (GTDCD)	GTDCD menetapkan perbelanjaannya bagi tujuan pemuliharaan, pembangunan, dan pengurusan aset-aset warisan budaya di George Town, Pulau Pinang serta kos operasi.
17.	Penang Agrotech Sdn. Bhd.	Perbelanjaan mengurus dan operasi bagi program dan aktiviti yang berkaitan dengan agroteknologi dan keterjaminan makanan bagi menyumbang hasil kepada Kerajaan Negeri.
18.	Penang Waste Management Corporation Sdn. Bhd.	Perbelanjaan mengurus dan operasi syarikat. Sebagai medium untuk menerima dana daripada Kerajaan Persekutuan dan menyalurkan semula dana tersebut kepada syarikat-syarikat kecil yang melaksanakan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam di Negeri Pulau Pinang.

LAMPIRAN C

KPI dan KRA bagi lapan belas (18) GLC di bawah CMI dan SSI

Bil.	Nama GLC	Perincian KPI & KRA
SSI		
1.	Invest-In Penang Berhad	<p>KRA 1: Penarikan pelaburan baharu ke negeri.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 1.1: Nilai pelaburan yang diluluskan setiap tahun. • KPI 1.2: Bilangan projek pelaburan yang berjaya direalisasikan. <p>KRA 2: Promosi pelaburan dan penjenamaan negeri.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 2.1: Pelaksanaan program promosi pelaburan berimpak tinggi. • KPI 2.2: Peningkatan visibiliti Pulau Pinang sebagai destinasi pelaburan pilihan. <p>KRA 3: Pemeraksanaan ekosistem perindustrian.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 3.1: Fasilitasi pelabur sedia ada bagi memastikan kelangsungan pelaburan. • KPI 3.2: Kolaborasi strategik dengan pemain industri dan institusi berkaitan
CMI		
2.	Penang Global Tourism Sdn. Bhd.	<p>KRA 1: Peningkatan ketibaan pelancong domestik dan antarabangsa.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 1.1: Peningkatan 5% setiap tahun bagi jumlah ketibaan penumpang melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. • KPI 1.2: Penilaian keberkesanan promosi pelancongan melalui indikator ketibaan pelancong dan aktiviti industri pelancongan.

Bil.	Nama GLC	Perincian KPI & KRA
		<p>KRA 2: Pengukuhan promosi dan imej Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan utama.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 2.1: Peningkatan penyertaan dalam aktiviti promosi luar negara dan kerjasama strategik antarabangsa. • KPI 2.2: Peningkatan liputan media dan kehadiran jenama Pulau Pinang dalam platform pelancongan global
3.	<p>Penang Convention & Exhibition Bureau (PICEB Sdn. Bhd.)</p>	<p>KRA 1: Pementapan sektor MICE (Meetings, Incentives, Conventions, and Exhibitions).</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 1.1: Expected Economic Income (EEI) daripada acara yang dianjurkan. • KPI 1.2: Jumlah penganjuran program tempatan dan antarabangsa.
4.	<p>George Town World Heritage Incorporated</p>	<p>KRA 1: Pemeliharaan dan pemantapan status Tapak Warisan Dunia UNESCO.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 1.1: Menjalin sekurang-kurangnya satu (1) perkongsian strategik dengan agensi warisan antarabangsa atau nasional setiap tahun. <p>KRA 2: Penyediaan perkhidmatan rundingan profesional dalam pengurusan warisan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 2.1: Memberi maklum balas pertama kepada semua pertanyaan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja. • KPI 2.2: Menyediakan maklum balas yang boleh dipercayai dan membina kepada pihak berkepentingan. <p>KRA 3: Pemerkasaan penyertaan sivik dan libat urus komuniti.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 3.1: Menganjurkan sekurang-kurangnya empat (4) aktiviti libat urus komuniti setiap tahun.

Bil.	Nama GLC	Perincian KPI & KRA
		<p>KRA 4: Kecekapan institusi dan tadbir urus korporat.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 4.1: Penggunaan sekurang-kurangnya 90% geran operasi yang diterima daripada kerajaan menjelang akhir tahun fiskal. • KPI 4.2: Pelaksanaan sistem kebajikan inklusif dan pembangunan kapasiti pelbagai disiplin untuk semua kakitangan
5.	Penang Women's Development Corporation (PWDC Sdn. Bhd.)	<p>KRA 1: Pelaksanaan Dasar Keterangkuman Gender (Gender Inclusiveness Policy - GIP).</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 1.1: Pelaksanaan satu (1) sesi meja bulat Kluster Teknikal dan Bukan Teknikal. • KPI 1.2: Enam (6) sesi kesedaran untuk kakitangan MBPP dan MBSP. • KPI 1.3: Penubuhan Jawatankuasa Dasar GI di peringkat negeri serta pelaporan berkala kepada Jawatankuasa Gender dan MMK. <p>KRA 2: Pelaksanaan Belanjawan Responsif Gender (GRP).</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 2.1: Pemantauan GRPB Pilot Projects dan pelaksanaan di sekurang-kurangnya 10 jabatan/agensi negeri. • KPI 2.2: Anjuran bengel GRPB untuk kakitangan MBPP dan MBSP sebelum Disember 2025. • KPI 2.3: Pelaksanaan GRPB Champion Award dan penyediaan laporan status pelaksanaan kepada pihak berkaitan. <p>KRA 3: Advokasi Komuniti mengenai GIP dan GRPB.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 3.1: Penerbitan Risalah Komuniti Keterangkuman Jantina.

Bil.	Nama GLC	Perincian KPI & KRA
		<ul style="list-style-type: none"> • KPI 3.2: Dua (2) sesi penyebaran maklumat dan penilaian keperluan untuk MBPP serta MBSP. <p>KRA 4: Kepimpinan dan Perwakilan Wanita.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 4.1: Penganjuran Sidang Wanita 2024 dan 2025. • KPI 4.2: Pelaksanaan Program Kepimpinan Lanjutan – WELIT. <p>KRA 5: Pemerkasaan Ekonomi Wanita.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 5.1: Pelaksanaan program PenMentor, Wanita Jana Rezeki Pulau & Seberang Perai. • KPI 5.2: Pembentukan pangkalan data bantuan kewangan usahawan wanita. <p>KRA 6: Dasar Keluarga Selamat dan Penuaan Aktif.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 6.1: Latihan 30 FSP mengenai advokasi keganasan domestik. • KPI 6.2: Pelaksanaan projek Penuaan Aktif dan penerbitan kajian kes warga emas. <p>KRA 7: Pengukuhan Komunikasi dan Penjenamaan PWDC.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 7.1: Tiga (3) lawatan media setahun dan sekurang-kurangnya 10 liputan media bagi setiap acara utama. • KPI 7.2: Peningkatan 10% pengikut media sosial dan pelancaran laman web baharu PWDC. <p>KRA 8: Pematuhan dan Tadbir Urus Korporat.</p>

Bil.	Nama GLC	Perincian KPI & KRA
		<ul style="list-style-type: none"> • KPI 8.1: Pematuhan penuh terhadap audit, LHDN, KWSP, PERKESO dan keperluan statutori lain. • KPI 8.2: Penyelesaian aduan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja.
6.	Penang Harmony Corporation Sdn. Bhd. (HARMONICO)	<p>KRA 1: Pengukuhan keharmonian antara agama dan kefahaman masyarakat.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 1.1: Melaksanakan sekurang-kurangnya 15 sesi eksplorasi keagamaan setiap tahun (2024: 20 sesi, 133%). • KPI 1.2: Melaksanakan sekurang-kurangnya 2 program dialog antara agama setiap tahun (2024: 5 program, 166%). <p>KRA 2: Pembangunan ilmu dan penerbitan berkaitan keharmonian sosial.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 2.1: Menghasilkan sekurang-kurangnya dua (2) penerbitan baharu setahun (2024: 1 penerbitan, 50%; satu dibawa ke tahun berikutnya). • KPI 2.2: Menyiapkan penerbitan video <i>Penang HOW Now</i> dan melaksanakan program utama <i>Peace 21</i> dengan pencapaian 100%. <p>KRA 3: Penganjuran sambutan keagamaan dan kolaborasi komuniti.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 3.1: Menganjurkan sekurang-kurangnya enam (6) sambutan keagamaan pelbagai agama setiap tahun (2024: 5 sambutan, 80%).
7.	Digital Penang Sdn. Bhd.	<p>KRA 1: Kerajaan Digital</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 1.1: Pelaksanaan MyKADUN di 13 pejabat Parlimen. • KPI 1.2: Penyediaan pembaca kad pengenalan (IC Reader) di 53 pusat perkhidmatan (40 pusat KADUN dan 13 Parlimen). <p>KRA 2: Ekonomi Digital</p>

Bil.	Nama GLC	Perincian KPI & KRA
		<ul style="list-style-type: none"> • KPI 2.1: Penubuhan 500 syarikat pemula menjelang 2030. • KPI 2.2: Penyertaan sekurang-kurangnya 90 syarikat dalam program transformasi digital MSME Level Up Programme setiap tahun. <p>KRA 3: Masyarakat Digital</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 3.1: Pelaksanaan 120 kelas digital (DahDigital) pada tahun 2025. • KPI 3.2: Penganjuran sekurang-kurangnya 750 kelas digital kumulatif sejak 2021. <p>KRA 4: Asas Digital</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 4.1: Menjalinkan sekurang-kurangnya 15 rakan perkongsian strategik untuk menyokong inisiatif Digital Penang.
8.	Penang Stem Sdn. Bhd.	<p>KRA 1: Peningkatan kesedaran dan penyertaan dalam bidang STEM.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 1.1: Penganjuran lebih 250 program STEM setiap tahun. • KPI 1.2: Menarik penyertaan melebihi 40,000 peserta setahun. <p>KRA 2: Pengukuhan kolaborasi strategik.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 2.1: Pelaksanaan inisiatif bersama sektor industri, institusi pendidikan dan komuniti. • KPI 2.2: Peningkatan bilangan program berasaskan penyelidikan dan hands-on. <p>KRA 3: Pengembangan capaian program.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 3.1: Penganjuran aktiviti STEM di daerah luar bandar.

Bil.	Nama GLC	Perincian KPI & KRA
		<p>KPI 3.2: Pemantapan rangkaian kerjasama dengan sekolah dan institusi tempatan.</p>
9.	Penang Science Cluster	<p>KRA 1: Pembangunan program sains dan inovasi negeri dengan penglibatan pihak swasta dan sekolah</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 1.1: Penetapan KPI dan KRA bagi setiap projek selaras dengan keperluan pembiayaan. • KPI 1.2: Kelulusan projek dan prestasi dipantau oleh Lembaga Pengarah.
10.	Penang Tech Centre	<p>KRA 1: Peningkatan kesedaran dan pembelajaran STEM.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 1.1: Bilangan pelawat ke pusat pembelajaran. • KPI 1.2: Pelaksanaan aktiviti STEM dan kadar penglibatan pelajar. <p>KRA 2: Tadbir urus dan prestasi kewangan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 2.1: Pencapaian prestasi kewangan tahunan yang positif dan mampan.
11.	PGC Strategies Sdn. Bhd (Penang Green Council)	<p>KRA 1: Advokasi Dasar Hijau.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 1.1: Bilangan cadangan dasar hijau yang dikemukakan. • KPI 1.2: Tahap penerimaan pihak berkepentingan terhadap dasar hijau. • KPI 1.3: Bilangan sesi libat urus berkaitan dasar hijau. <p>KRA 2: Promosi Pendidikan Alam Sekitar.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 2.1: Bilangan program dan kempen kesedaran awam. • KPI 2.2: Kadar penyertaan serta tahap peningkatan kesedaran komuniti. <p>KRA 3: Perkongsian dan Kerjasama Strategik.</p>

Bil.	Nama GLC	Perincian KPI & KRA
		<ul style="list-style-type: none"> • KPI 3.1: Bilangan MoU atau perkongsian strategik ditandatangani. • KPI 3.2: Bilangan inisiatif bersama dengan agensi kerajaan, NGO, akademia dan sektor swasta. <p>KRA 4: Penganjuran Acara Hijau.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 4.1: Bilangan acara hijau negeri atau antarabangsa dianjurkan. • KPI 4.2: Jumlah penyertaan peserta dan tahap pencapaian objektif acara.
12.	PYDC Strategies Sdn. Bhd.	<p>KRA 1: Pembangunan kapasiti dan kepimpinan belia.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 1.1: Bilangan program latihan dan pembangunan kepimpinan dilaksanakan. • KPI 1.2: Tahap penyertaan belia dalam program pembangunan diri dan keusahawanan. <p>KRA 2: Penglibatan dan mobilisasi komuniti belia.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 2.1: Bilangan sukarelawan belia berdaftar di bawah Sukarelawan Belia Pulau Pinang. • KPI 2.2: Bilangan program komuniti yang melibatkan sukarelawan belia. <p>KRA 3: Pemerkasaan pertubuhan belia.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 3.1: Bilangan pertubuhan yang dimanfaatkan melalui Dana Pembangunan Belia. • KPI 3.2: Nilai keseluruhan dana diluluskan dan bilangan program yang dimanfaatkan. <p>KRA 4: Pembangunan belia berisiko dan luar bandar.</p>

Bil.	Nama GLC	Perincian KPI & KRA
		<p>KPI 4.1: Bilangan belia berisiko atau B40 terlibat dalam program pemerkasaan.</p> <p>KPI 4.2: Bilangan program atau sesi libat urus di komuniti luar bandar.</p> <p>KRA 5: Pengiktirafan dan insentif belia.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 5.1: Bilangan permohonan dan penerima Skim Insentif Best Anak Penang. • KPI 5.2: Nilai keseluruhan insentif disalurkan kepada penerima yang layak. <p>KRA 6: Program khas pembangunan bakat belia.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 6.1: Bilangan penyertaan dalam program E-Sukan dan Belia Berirama. • KPI 6.2: Bilangan program atau pertandingan diadakan di semua daerah.
13.	Penang FC Sdn. Bhd.	<p>KRA 1: Pengurusan pasukan yang efisien.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 1.1: Tiada kelewatan dalam penganjuran perlawanan. • KPI 1.2: Semua perlawanan dijalankan dengan lancar mengikut jadual. <p>KRA 2: Pengurusan kewangan dan pematuhan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 2.1: Penyediaan laporan kewangan suku tahunan secara lengkap dan tepat masa. <p>KRA 3: Pemasaran dan komunikasi digital.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 3.1: Peningkatan sekurang-kurangnya 20% kadar penglibatan (engagement) media sosial dan aktiviti penjenamaan kelab. <p>KRA 4: Sumber manusia dan pentadbiran.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 4.1: Kadar kehadiran staf melebihi 95%.

Bil.	Nama GLC	Perincian KPI & KRA
		<p>KPI 4.2: Tiada ketirisan atau isu tatakelola dalam operasi harian.</p> <p>KRA 5: Prestasi teknikal dan kejurulatihan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 5.1: Peningkatan prestasi fizikal dan taktikal pemain melalui pemantauan berkala.
14.	Penang Halal International Sdn. Bhd.	<p>KRA 1: Pembangunan usahawan Halal yang berdaya saing.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 1.1: Bilangan usahawan yang mendapat konsultasi pensijilan Halal. • KPI 1.2: Penyertaan usahawan dalam program latihan dan seminar Halal. <p>KRA 2: Promosi dan penjenamaan Pulau Pinang sebagai Hab Halal Serantau.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 2.1: Bilangan program promosi dan expo Halal dianjurkan. • KPI 2.2: Bilangan misi promosi Halal di dalam dan luar negara. • KPI 2.3: Kolaborasi strategik dengan agensi berkaitan industri Halal.
15.	Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd. (PIC)	<p>KRA 1: Pelaksanaan projek pembangunan strategik negeri.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 1.1: Pelaksanaan projek PSI dan PTMP mengikut jadual, bajet dan piawaian kerajaan negeri. <p>KRA 2: Pengurusan kewangan dan keberkesanan kos.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 2.1: Pengoptimuman penggunaan sumber kewangan bagi setiap projek. • KPI 2.2: Peningkatan kecekapan kos dalam semua operasi syarikat. <p>KRA 3: Promosi, reputasi dan komunikasi strategik.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 3.1: Pengukuhan imej korporat melalui strategi komunikasi awam yang berkesan.

Bil.	Nama GLC	Perincian KPI & KRA
16.	George Town Conservation & Development Corporation Sdn. Bhd. (GTCD)C)	<ul style="list-style-type: none"> • KPI 3.2: Peningkatan kesedaran masyarakat terhadap peranan PIC dalam pembangunan negeri. <p>KRA 1: Pemuliharaan dan pengurusan warisan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 1.1: Bilangan projek pemuliharaan bangunan dan tapak warisan yang berjaya disiapkan setiap tahun. • KPI 1.2: Peratusan bangunan warisan yang dipulihkan berbanding jumlah keseluruhan yang memerlukan pemuliharaan. • KPI 1.3: Pematuhan projek terhadap Garis Panduan Rancangan Kawasan Khas George Town (SAP). • KPI 1.4: Penilaian kesan warisan terhadap nilai Outstanding Universal Value (OUV) Tapak Warisan Dunia. <p>KRA 2: Pembangunan mampan dan regenerasi bandar.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 2.1: Peningkatan keluasan atau kualiti ruang awam seperti promenade di Esplanade. • KPI 2.2: Penilaian tahap kepuasan penduduk terhadap kualiti hidup, infrastruktur dan persekitaran. <p>KRA 3: Penglibatan komuniti dan pembangunan kapasiti.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 3.1: Bilangan peserta dalam program pendidikan, bengkel dan acara awam yang dianjurkan oleh GTCD. • KPI 3.2: Bilangan projek komuniti yang disokong oleh GTCD. • KPI 3.3: Tahap maklum balas dan penglibatan komuniti terhadap inisiatif pemuliharaan.

Bil.	Nama GLC	Perincian KPI & KRA
		<p>KRA 4: Kestabilan kewangan dan perkongsian strategik.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 4.1: Projek disediakan dalam peruntukan belanjawan yang ditetapkan. • KPI 4.2: Jumlah pendapatan dijana daripada aset dan projek pembangunan. • KPI 4.3: Kejayaan kerjasama strategik dengan rakan seperti Think City, Kerajaan Negeri, dan Aga Khan Trust for Culture.
17.	Penang Agrotech Sdn. Bhd.	Ditubuhkan pada 15 Oktober 2024
18.	Penang Waste Management Corporation Sdn. Bhd.	Ditubuhkan pada 14 April 2025

LAMPIRAN D

Performance review tahunan yang dilaksanakan untuk menilai impak sumbangan terhadap KPI dan KRA

Bil.	NAMA GLC	Performance Review Tahunan
SSI		
1.	Invest-In Penang Berhad	<p>Semakan prestasi tahunan dilaksanakan melalui penyediaan dan pembentangan laporan prestasi tahunan kepada Lembaga Pengarah, yang merangkumi pencapaian terhadap KPI dan KRA yang ditetapkan.</p> <p>Semakan ini digunakan bagi tujuan penambahbaikan strategi serta pelan tindakan tahun berikutnya untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan dan penajajaran berterusan.</p>
CMI		
2.	Penang Global Tourism Sdn. Bhd.	<p>Ya, performance review tahunan dilaksanakan untuk menilai impak sumbangan terhadap KPI dan KRA melalui:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penilaian dan pemantauan di peringkat strategik dan projek: PGT bekerjasama dengan agensi negeri lain dalam pembangunan dan pelaksanaan Pelan Induk Pelancongan Penang (Penang Tourism Master Plan) yang melibatkan kajian semula pertengahan penggal untuk menilai prestasi keseluruhan sektor pelancongan dan keberkesanan strategi. • Penggunaan KPI dan kriteria penilaian luaran: KPI digunakan untuk menilai program atau acara tertentu (cth., PGT menilai Bon Odori 2025 sebagai acara penting) dan kriteria penilaian ditetapkan untuk kontrak perunding atau cadangan luar.

Bil.	NAMA GLC	Performance Review Tahunan
		<ul style="list-style-type: none"> Kajian dan laporan industri: PGT menjalankan atau menggunakan kaji selidik pelancong dan analisis prestasi-kepentingan (Importance-Performance Analysis) untuk menilai persepsi pelawat terhadap tarikan dan perkhidmatan pelancongan di Penang, yang seterusnya memaklumkan strategi pemasaran dan penambahbaikan produk.
3.	Penang Convention & Exhibition Bureau (PICEB Sdn. Bhd.)	Ya, performance review dijalankan setiap tahun oleh PCEB melalui penerbitan Annual Review dan dihebahkan melalui media.
4.	George Town World Heritage Incorporated	<p>Ya, performance review tahunan dijalankan oleh GTWHI untuk menilai impak sumbangan terhadap KPI dan KRA. GTWHI menumpukan kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> Penilaian dan pemantauan projek dan dasar di peringkat organisasi menggunakan KPI. Penglibatan pihak berkepentingan, perunding, dan sukarelawan dalam projek tertentu, dengan KPI dan kriteria penilaian yang ditetapkan untuk kontrak luar. Penggunaan KPI secara umum dalam pengurusan prestasi organisasi seperti yang dibincangkan dalam kajian literatur.
5.	Penang Women's Development Corporation (PWDC Sdn. Bhd.)	Ya, performance review tahunan dilaksanakan bagi menilai impak sumbangan terhadap KPI dan KRA. PWDC menggunakan Penilaian Prestasi Tahunan (Yearly Performance Review) untuk menilai pencapaian setiap KPI yang telah ditetapkan pada awal tahun.

Bil.	NAMA GLC	Performance Review Tahunan
6.	Penang Harmony Corporation Sdn. Bhd. (HARMONICO)	Ya, performance review tahunan dilaksanakan bagi menilai impak sumbangan terhadap KPI dan KRA. Setiap awal tahun, HARMONICO akan mengemukakan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan. Pada setiap akhir tahun, Harmonico akan melaporkan pencapaian KPI tersebut kepada Lembaga Pengarah serta menyediakan laporan tahunan yang merangkumi semua program dan aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun.
7.	Digital Penang Sdn. Bhd.	Ya, performance review tahunan dilaksanakan bagi menilai impak sumbangan terhadap KPI dan KRA. Digital Penang membentangkan laporan kewangan dan program yang dilaksanakan dalam mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah suku tahunan, bagi tujuan pemantauan, penambahbaikan berterusan, serta mendapatkan maklum balas mengenai prestasi dan hala tuju syarikat.
8.	Penang Stem Sdn. Bhd.	Ya, performance review tahunan dilaksanakan bagi menilai impak sumbangan terhadap KPI dan KRA. Laporan prestasi Penang STEM akan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah dua kali setahun bagi menilai pencapaian KPI dan KRA serta menetapkan langkah penambahbaikan.
9.	Penang Science Cluster	Ya, performance review dilaksanakan projek demi projek mengikut pembiayaan projek dan dibentangkan semasa mesyuarat Lembaga Pengarah.
10.	Penang Tech Centre	Ya, performance review dijalankan secara dua fasa, di mana fasa pertama melibatkan pengurusan tertinggi manakala fasa kedua dibincangkan dan disahkan dalam mesyuarat lembaga.

Bil.	NAMA GLC	Performance Review Tahunan
11.	PGC Strategies Sdn. Bhd (Penang Green Council)	<p>Ya, performance review tahunan dijalankan oleh PGC pada peringkat individu dan organisasi bagi menilai impak sumbangan KPI dan KRA. Selain itu, penelantaran dan semakan KPI separuh tahun dilaksanakan untuk memastikan sasaran prestasi kekal relevan dan selaras dengan keutamaan strategik organisasi. PGC juga menyediakan Pelan Strategik 2025–2028 sebagai penanda aras bagi mencapai visi dan misi organisasi.</p>
12.	PYDC Strategies Sdn. Bhd.	<p>Ya, performance review tahunan dilaksanakan bagi menilai impak sumbangan terhadap KPI dan KRA. PYDC menggunakan laporan prestasi suku tahunan sebagai mekanisme pemantauan bagi memastikan semua program dan inisiatif berada pada landasan yang ditetapkan. Laporan ini dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk semakan, kelulusan tindakan susulan, serta penajajaran dengan KPI dan hala tuju strategik organisasi.</p> <p>Selain itu, PYDC turut melaksanakan penilaian prestasi tahunan ke atas setiap kakitangan bagi menilai keberkesanan pelaksanaan projek yang diamanahkan kepada mereka. Prestasi projek dijadikan indikator dalam penilaian individu, sekali gus memastikan akauntabiliti, budaya kerja berasaskan prestasi, dan peningkatan kualiti penyampaian program kepada belia dan masyarakat.</p>
13.	Penang FC Sdn. Bhd.	<p>Ya, performance review tahunan dilaksanakan oleh Penang FC bagi menilai impak sumbangan terhadap KPI dan KRA. Performance Review Tahunan Penang FC merangkumi prestasi pasukan, kewangan, pembangunan pemain, pemasaran, penajaan, dan penglibatan komuniti. Laporan prestasi dibentangkan kepada pengurusan, kemudian disemak oleh Lembaga Pengarah dan CMI untuk penambahbaikan dan penetapan sasaran tahun berikutnya.</p>

Bil.	NAMA GLC	Performance Review Tahunan
14.	Penang Halal International Sdn. Bhd.	Ya, performance review tahunan dilaksanakan oleh PHI bagi menilai impact sumbangan terhadap KPI dan KRA. Performance review dilaksanakan melalui penilaian kemajuan dan pelarasan sasaran, dengan fokus kepada impact strategik seperti peningkatan imej PHI sebagai hab halal antarabangsa, pengukuhan jaringan dengan industri, agensi kerajaan dan pemain industri, serta pembangunan pasaran halal.
15.	Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd. (PIC)	Ya, performance review tahunan dilaksanakan bagi menilai impact sumbangan terhadap KPI dan KRA. PIC melaksanakan performance review tahunan secara keseluruhan memandangkan bilangan pegawai yang terhad. Mulai tahun hadapan, semakan prestasi akan dijalankan untuk setiap pegawai bagi: <ul style="list-style-type: none"> i. Menilai pencapaian prestasi individu dan jabatan terhadap KPI dan KRA syarikat; ii. Menyokong budaya kerja berasaskan prestasi (performance-driven culture); dan iii. Memastikan penajajaran antara matlamat individu, jabatan, dan objektif strategik organisasi.
16.	George Town Conservation & Development Corporation Sdn. Bhd. (GTCDC)	Ya, performance review tahunan dilaksanakan oleh GTCDC bagi menilai impact sumbangan terhadap KPI dan KRA. GTCDC melaksanakan ulasan prestasi tahunan bagi menilai impact sumbangan terhadap KPI dan KRA yang telah ditetapkan. Proses ini memastikan GTCDC kekal selaras dengan objektif strategik pemuliharaan warisan dan pembangunan mampan di George Town.

Bil.	NAMA GLC	Performance Review Tahunan
17.	Penang Agrotech Sdn. Bhd.	Ditubuhkan pada 15 Oktober 2024
18.	Penang Waste Management Corporation Sdn. Bhd.	Ditubuhkan pada 14 April 2025

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXIV)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

13. Delegasi Kerajaan Negeri ke “Minggu Pulau Pinang” sempena Ekspo Dunia Osaka 2025.
- (a) Senaraikan nama, jawatan, agensi diwakili (Kerajaan Negeri, GLC, Badan Berkanun, Perbadanan atau Agensi)?
 - (b) Nyatakan peranan dan tanggungjawab masing-masing?
 - (c) Jumlah keseluruhan kos yang terlibat, termasuk pecahan perbelanjaan bagi tambang perjalanan, penginapan, elaun, promosi serta lain-lain perbelanjaan rasmi.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

13. (a) Senarai delegasi Pulau Pinang sempena Minggu Pulau Pinang sempena Ekspo Dunia Osaka 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (b) Peranan dan tanggungjawab setiap delegasi adalah seperti di **LAMPIRAN B**.
- (c) Jumlah kos yang terlibat adalah sebanyak RM2,145,470.69. Perincian adalah seperti di **LAMPIRAN C**.

**SENARAI DELEGASI KERAJAAN NEGERI
KE MINGGU PULAU PINANG SEMPERA EKSPLO DUNIA OSAKA 2025**

DELEGASI PDC

PDC BOD MEMBERS		
BIL.	NAMA	JAWATAN
1	YAB Tuan Chow Kon Yeow	Ketua Menteri Pulau Pinang
2	YB Jagdeep Singh a/l Karpal Singh	Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang
3	YB Dato' Haji Zulkifli bin Long	Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
4	YB Zairil Khir Johari	EXCO Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital
5	YB Dato' Zabidah binti Safar	Pegawai Kewangan Negeri
6	YB Goh Choon Aik	ADUN Bukit Tambun
7	YBrs. Puan Nor Hasnah binti Badroddin	Pengarah Kanan Bahagian Hubungan Perdagangan dan Ekonomi Dua Hala Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri
DELEGASI PDC		
BIL.	NAMA	JAWATAN
1	Ybng. Dato' Aziz bin Bakar	Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC)
2	Ybng. Dato' Mohammad Azhar bin Hamdan	Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Kanan (Teknikal/Perancangan) Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC)
3	YBrs. Sr. Tuan Haji Roslan bin Hassan	Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi) Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC)
4	Puan Nor Aznita binti Zainuddin	Pengurus Kanan Ketua Bahagian Pembangunan & Pengurusan Harta
5	Cik Azian binti Ahmad	Pengurus Kanan Ketua Bahagian Perancangan Fizikal & Pembangunan Tanah

LAMPIRAN A

6	Encik Samsuri bin Abd Jalil	Pengurus Kanan Ketua Bahagian Khidmat Pengurusan
7	Encik Mohd Sani bin Mohd Akier	Pengurus Kanan Ketua Bahagian Guaman
8	Encik Azahar Mohd Zamri Khoo	Pengurus Ketua Bahagian Perindustrian
9	Encik Azizee Rohemee bin Abdullah	Pengurus Ketua Unit Projek Khas
10	Encik Zulkifli bin Ismail	Pengurus Ketua Bahagian Korporat & Komunikasi
11	Encik Zulkifli bin Yusoff	Pegurus Ketua Bahagian Perancangan Strategik dan Pelaburan
12	Encik Muhamad Akmal bin Mohamad Junaidi	Penolong Pengurus Bahagian Perancangan Strategik dan Pelaburan
13	Cik Intan Zarith Soraya binti Shahfawi	Pegawai Perhubungan Awam Bahagian Korporat & Komunikasi
14	Encik Mohd Lukman bin Abd Wahab	Penolong Pegawai Tadbir Bahagian Korporat & Komunikasi
15	Encik Muhammad Shamel Mirza Lam	Pelukis Pelan Kanan Bahagian Korporat & Komunikasi
16	Cik Nur Izzah binti Abdul Raman	Setiausaha Pejabat Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
17	Puan Nursyazwani binti Haji Rosli	Pembantu Tadbir Kanan Bahagian Korporat & Komunikasi
18	Puan Shankeeta Vani Balasundaram	Penolong Pengurus Kanan
19	En Ir Izwanaim Ismail	Chief Operating Officer Solar Voltech Sdn. Bhd.

PEJABAT KETUA MENTERI		
BIL.	NAMA	JAWATAN
1	Encik Mohd Balkish bin Othman	Setiausaha Sulit Kanan
2	Puan Yap Lee Ying	Pengarah Komunikasi / Setiausaha Akhbar
BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI NEGERI (BPEN)		
BIL.	NAMA	JAWATAN
1	Encik Zarul Azwan bin Adam	Penolong Setiausaha Kanan (Pelancongan dan Ekonomi Kreatif)
2	Puan Junaidah binti Jamil	Penolong Setiausaha Kanan (Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi)
3	Puan Fatimah binti Jamaludin	Penolong Setiausaha (Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan dan Luar Bandar)

DELEGASI DI BAWAH EXCO KERAJAAN TEMPATAN DAN PERANCANGAN BANDAR & DESA

BIL.	NAMA	JAWATAN
1	YB H'ng Mooi Lye	EXCO Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa
2	Puan Lee Cunmin	Isteri kepada YB EXCO Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa
3	YB Dato' Wan Nor Sakina binti Saad	Penasihat Undang-undang Negeri Pulau Pinang
4	YBhg. Dato' TPr. Gs. Rozita binti Hamit	Pengarah, Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD)
5	Encik Muhamad Husni bin Mahmud	Setiausaha Bahagian, BKT
6	Encik Azim Rabbani bin Syed Sultan	Penolong Setiausaha, BKT
6	Puan Low Vin Yin	Pembantu Khas kepada YB EXCO Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa

BIL.	NAMA	JAWATAN
7	YBhg. Dato' Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid	Datuk Bandar, MBSP
8	Encik Faris Zaki bin Basri	Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Kanan, MBSP
9	Sr. Cheong Chee Hong	Setiausaha Bandaraya, MBPP
10	Puan Tan Bee Luan	Pengarah Jabatan Perbendaraan, MBPP

DELEGASI DI BAWAH EXCO PELANCONGAN DAN EKONOMI KREATIF

BIL.	NAMA	JAWATAN
1	YB Wong Hon Wai	EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif
2	Encik Ong Zhan Hao	Pegawai Khas kepada EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif
3	Encik Ooi Chok Yan	Ketua Pegawai Eksekutif <i>Penang Global Tourism</i> ;
4	Cik Yoon Pauline	Pegawai Pemasaran, <i>Penang Global Tourism</i>

DELEGASI DI BAWAH EXCO PEMBANGUNAN SOSIAL, KEBAJIKAN DAN HAL EHWAL BUKAN ISLAM

BIL.	NAMA	JAWATAN
1	YB Puan Lim Siew Khim	EXCO Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwai Bukan Islam

DELEGASI DI BAWAH EXCO INFRASTRUKTUR, PENGANGKUTAN DAN DIGITAL

BIL.	NAMA	JAWATAN
1	YB Tuan Zairil Khir Johari	EXCO Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital
2	Puan Lennie Khor	Pegawai Khas kepada YB EXCO Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital
3	Puan Najwa Juaini binti Azmi	Setiausaha Bahagian BKSA
4	Encik Muhammad Sharieffuddin bin Mohd Jaki	Penolong Setiausaha (Infrastruktur & Pengangkutan)
5	Yuweneswaran a/l Suppiah	Pegawai Tadbir Unit Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang

DELEGASI DI BAWAH INVESTPENANG

BIL.	NAMA	JAWATAN
1	Dato' Loo Lee Lian	Ketua Pegawai Eksekutif
2	Puan Tun Qurratul Ain	Pengurus Kanan, Bahagian Ekonomi Digital
3	Puan Ong Mee Choo	Pengarah, <i>Penang Silicon Design @5KM+ (PSD@5KM+)</i>

DELEGASI DI BAWAH PENANG HALAL INTERNASIONAL (PHI)

BIL.	NAMA	JAWATAN
1	Mohd Azraie Ramli	CEO
2	Isharina Basri	Pen. Pengurus Pentadbiran & Kewangan
3	Nur Shahidah Syed Mohamed	Pegawai Media

**PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB SETIAP DELEGASI
MINGGU PULAU PINANG SEMPENA EKSPLO DUNIA OSAKA 2025**

**DELEGASI PDC (URUSETIA INDUK) BERSAMA BPEN (FOCAL POINT YANG
DILANTIK MITI)**

1. Penyediaan dan pengurusan Pavilion Pulau Pinang sepanjang minggu Pulau Pinang;
2. Pelaksanaan aktiviti promosi, pameran, *pocket talk*, *business matching* terhadap tujuh (7) projek berimpak tinggi oleh PDC;
3. Urusan protokol dan majlis perasmian pada 24 September 2025 serta majlis MoU. Terdapat tiga (3) MoU yang terlibat iaitu FedEx, DHL dan Shizen International & Atlantic Blue;
4. Lawatan ke fasiliti model Jepun seperti Nakanoshima Cross di Osaka, bagi melihat model hospital-inovasi yang serupa dengan visi Pulau Pinang dalam sektor kesihatan;
5. Sesi libat urus pemain industri Jepun; dan
6. Speaker bagi program *pocket talk*.

**DELEGASI DI BAWAH EXCO KERAJAAN TEMPATAN DAN PERANCANGAN
BANDAR & DESA**

1. Kunjungan hormat dan lawatan penanda aras ke fasiliti serta organisasi berkaitan dengan pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan perancangan bandar dalam aspek pengurusan sisa pepejal, bandar pintar, mitigasi menghadapi perubahan iklim dan lain-lain yang berkaitan.
2. Delegasi Kerajaan Negeri telah mengadakan beberapa siri kunjungan hormat dan lawatan penanda aras seperti berikut:
 - (i) Sesi Kunjungan Hormat ke Osaka City Council;
 - (ii) Sesi Kunjungan Hormat ke Sakai City Government;
 - (iii) Lawatan ke Fasiliti Suminoe Incineration Plant (*Waste to Energy – WtE Plant*);
 - (iv) Lawatan ke Fasiliti DINS Kansai Recycling Assortment Centre (RAC);
 - (v) Lawatan ke Syarikat Ryoden Corporation (syarikat smart farming);
 - (vi) Lawatan ke Research Institute of Environment, Agriculture and Fisheries, Osaka (RIEAF);
 - (vii) Lawatan ke Global Environment Centre Foundation (GEC);
 - (viii) Majlis Perasmian Penang Week di Pavilion Malaysia dan Lawatan ke Pavilion Negara-negara Lain di Ekspo Osaka 2025;

- (ix) Lawatan Penanda Aras ke Tapak Warisan Dunia United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation (UNESCO) di Todai-Ji, Nara;
- (x) Lawatan Penanda Aras ke Osaka Castle Park; dan
- (xi) Lawatan Penanda Aras ke Projek Umekita (Projek Pembangunan Semula Bandar di Umekita, Osaka).

DELEGASI DI BAWAH EXCO PELANCONGAN DAN EKONOMI KREATIF

1. Mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan; dan
2. Menjalankan sesi pameran, *pocket talk*, *business matching* pemain industri pelancongan di Jepun.

DELEGASI DI BAWAH EXCO INFRASTRUKTUR, PENGANGKUTAN DAN DIGITAL

1. Delegasi Kerajaan Negeri melibatkan portfolio MMK Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital ke “Minggu Pulau Pinang” sempena Ekspo Dunia Osaka 2025 pada 23 September 2025 adalah susulan daripada jemputan daripada *Japan International Cooperation Agency* (JICA) menerusi kajian yang dilaksanakan dengan kerjasama JICA dan Bandar Kawasaki berkaitan dengan Pengurusan Sumber Air dan Pemuliharaan Alam Sekitar.
2. Penyertaan delegasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke Minggu Pulau Pinang sempena Ekspo Dunia Osaka 2025 merupakan satu usaha strategik bagi memperkukuh dasar pembangunan mampan dan pengurusan sumber air negeri. Melalui platform antarabangsa ini, Kerajaan Negeri berpeluang memperkenalkan dasar serta hala tuju Pulau Pinang dalam aspek infrastruktur hijau, ekonomi berdaya tahan dan pengurusan sumber air yang lestari.
3. Lawatan ini turut memberi ruang kepada delegasi negeri untuk meneruskan kerjasama dengan Japan International Cooperation Agency (JICA) susulan pelaksanaan Kajian JICA mengenai Pengurusan Sumber Air Pulau Pinang. Melalui libat urus ini, Pulau Pinang dapat menilai amalan terbaik Jepun dalam pengurusan air, mitigasi kemarau dan pembangunan bandar lestari, sekali gus memperkukuh pelaksanaan Enakmen Sumber Air Pulau Pinang 2025.

Secara keseluruhannya, penyertaan ke Ekspo Dunia Osaka 2025 bukan sekadar lawatan promosi, tetapi satu langkah penting bagi memperkukuh hubungan dasar antarabangsa, memperluas kerjasama teknikal, serta memastikan dasar dan polisi negeri terus selaras dengan amalan global ke arah menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri contoh dalam tadbir urus air dan pembangunan mampan.

DELEGASI DI BAWAH INVESTPENANG

1. Penyertaan InvestPenang ke Ekspo Dunia Osaka 2025 bukan sahaja bertujuan mempromosikan Pulau Pinang sebagai hab pelaburan strategik dalam sektor reka bentuk litar bersepadu (*IC Design*), tetapi juga memperkenalkan keupayaan dan kepakaran syarikat-syarikat tempatan kepada pasaran Jepun dan antarabangsa. Inisiatif ini sejajar dengan pelaksanaan *Penang Silicon Design @ 5KM+*, yang memberi tumpuan kepada pengukuhan rantai nilai industri semikonduktor serta pembangunan bakat tempatan.
2. InvestPenang memperkukuh hubungan ekonomi dua hala antara Pulau Pinang dan Jepun, di samping menggalakkan kerjasama strategik dalam bidang teknologi, inovasi, dan penyelidikan reka cip. Usaha ini seterusnya mengukuhkan kedudukan Pulau Pinang sebagai rakan strategik utama dalam ekosistem inovasi dan ekonomi digital serantau.
3. Antara acara utama yang dianjurkan ialah seminar *Penang, Malaysia Business Seminar* di Pavilion Malaysia pada 24 September 2025 dengan tema "*Penang: Gateway to Southeast Asia's Innovation Economy*." Pada seminar tersebut, Ketua Pegawai Eksekutif InvestPenang, Dato' Loo Lee Lian, menyampaikan pembentangan mengenai landskap industri Pulau Pinang dan kelebihan negeri ini sebagai hab inovasi serta teknologi. Beberapa syarikat reka bentuk IC tempatan seperti Oppstar Technology, Silicon X, SkyeChip, dan Tenasic Technology turut diketengahkan sebagai contoh kejayaan industri tempatan.
4. Seminar ini telah disertai lebih dari 30 delegasi Jepun. Sebagai penganjur dan penyelarar utama seminar ini, InvestPenang bertanggungjawab menyelaras urusan bersama JETRO selaku rakan kolaborasi, serta pihak pengurusan Pavilion Malaysia bagi memastikan kelancaran pelaksanaan seminar. Ini termasuk penyediaan jadual pembentangan, pengurusan jemputan syarikat Jepun dan wakil industri, penyediaan bahan promosi serta pameran, pengurusan logistik (susun atur lokasi, kemudahan audiovisual, jamuan ringan, bahan cenderamata), dan koordinasi keseluruhan perjalanan program bagi seminar ini.
5. InvestPenang juga turut menyertai sesi *business matching* yang dianjurkan oleh MATRADE, bertujuan menghubungkan syarikat reka bentuk IC tempatan dengan rakan kongsi berpotensi di Jepun.
6. Selain penyertaan di Ekspo Dunia Osaka, delegasi InvestPenang juga mengadakan tujuh lawatan rasmi dan sesi pertemuan bersama agensi Jepun seperti JETRO, syarikat pemula (*startups*), serta korporat besar dalam industri semikonduktor di Tokyo, Kyoto, dan Osaka bagi memperkukuh promosi

keupayaan reka cip Pulau Pinang dan mempersiapkan negeri sebagai destinasi pelaburan berteknologi tinggi.

Secara keseluruhannya, delegasi InvestPenang terlibat secara langsung dalam perancangan, pelaksanaan dan penyelarasan keseluruhan program dalam misi pelaburan InvestPenang ke Jepun.

DELEGASI DI BAWAH PENANG HALAL INTERNASIONAL (PHI)

PHI berfungsi sebagai wakil industri halal Pulau Pinang yang memainkan peranan sebagai agensi yang mempromosi, hubungan industri halal antarabangsa, dan membantu memposisikan Pulau Pinang bukan hanya sebagai pusat teknologi dan pelaburan, tetapi juga sebagai destinasi industri halal yang kompetitif. Turut memaparkan ialah produk-tempatan, halal *lifestyle* serta peluang industri halal daripada Pulau Pinang yang sekali gus memperluaskan industri halal negeri ke peringkat antarabangsa.

**KOS YANG TERLIBAT SEMPENA
MINGGU PULAU PINANG SEMPENA EKSPLO DUNIA OSAKA 2025**

BIL.	DELEGASI	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)	SUMBER KEWANGAN
1	PDC (Urusetia Induk) bersama BPEN (<i>Focal Point</i> yang dilantik MITI)	1,600,000.00	PDC dan MITI (MITI = RM220,000.00)
2	Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa	281,029.50	Kerajaan Negeri, JPBD, MBPP, MBSP
3	Pelancongan Dan Ekonomi Kreatif	80,275.00	Kerajaan Negeri
4	Infrastruktur, Pengangkutan Dan Digital	19,122.50	Kerajaan Negeri
5	Pembangunan Sosial, Kebajikan Dan Hal Ehwal Bukan Islam	40,709.00	Kerajaan Negeri
6	InvestPenang	91,634.69	InvestPenang
7	PHI	32,700.00	PHI
JUMLAH (RM)		2,145,470.69	

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXIV)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

14. Apakah perkembangan inisiatif Penang Aging Society setakat ini?
- (a) Senaraikan kemajuan yang telah dicapai oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), termasuk program atau projek yang telah dilaksanakan oleh MBPP dan MBSP dalam usaha menyokong masyarakat warga emas di negeri ini.

YB H'NG MOOI LYE

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

14. Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah bertindak sebagai Pelaksana Projek dengan kerjasama Penang Women's Development Corporation (PWDC) selaku Pengurus Projek dan Malaysian Healthy Ageing Society (MHAS) sebagai Konsultan Projek dalam pelaksanaan Projek Bandar Mesra Usia Pulau Pinang (Kawasan Pulau) atau *Age-Friendly City Penang Island* (AFCPI) bagi tempoh tiga (3) tahun (2023 sehingga 2025).

Projek ini menggunakan pendekatan kolaboratif yang melibatkan agensi kerajaan, organisasi berasaskan komuniti serta penduduk setempat. Melalui penerapan nilai tanggungjawab bersama dan pemilikan komuniti, projek ini akan mewujudkan sebuah bandar yang inklusif, di mana setiap individu dihargai, dihormati dan diperkasa.

MBPP telah menjadi sebahagian daripada Rangkaian Global Bandar dan Komuniti Mesra Warga Emas (*Global Network for*

Age-friendly Cities and Communities - GNAFCC) sejak 28 Julai 2023. Penyertaan ini telah diiktiraf melalui penganugerahan Sijil Keahlian oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sebagai pengiktirafan terhadap komitmen MBPP dalam mewujudkan persekitaran bandar yang mesra dan inklusif kepada warga emas.

Sesi Libat Urus Pelan Tindakan Strategik Bandar Mesra Warga Emas MBPP telah diadakan sebanyak tiga (3) kali, iaitu pada 12 sehingga 13 Disember 2022, 09 sehingga 10 Januari 2023 dan 02 sehingga 03 Disember 2023. Sesi ini melibatkan penyertaan daripada agensi-agensi kerajaan, komuniti tempatan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dengan tujuan untuk mendapatkan input, pandangan dan idea yang relevan. Semua maklum balas yang diterima akan diselaraskan dan dimasukkan ke dalam Buku Pelan Tindakan Strategik Bandar Mesra Usia MBPP sebagai panduan pelaksanaan yang lebih menyeluruh dan berkesan. Buku pelan ini telah dilancarkan secara rasminya pada 07 September 2024.

Berdasarkan Kerangka Kerja WHO, Projek Bandar Mesra Usia merangkumi lapan (8) domain utama iaitu:

- (i) Ruang Awam dan Bangunan;
- (ii) Pengangkutan;
- (iii) Perumahan;
- (iv) Penglibatan Sosial;
- (v) Saling Menghormati dan Keterangkuman Sosial;
- (vi) Penglibatan Sivik dan Peluang Pekerjaan;
- (vii) Komunikasi dan informasi; dan
- (viii) Sokongan Masyarakat dan Perkhidmatan Kesihatan.

MBPP kini berada dalam peringkat penyediaan Laporan Akhir untuk dikemukakan kepada WHO. Kitaran Pertama (*Cycle 1*) bagi Projek AFCPI dijangka disiapkan sepenuhnya pada tahun ini selepas laporan akhir tersebut dihantar kepada WHO.

Manakala Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) pula kini dalam proses mengemukakan permohonan untuk menjadi ahli (GNAFCC) di bawah WHO. Permohonan bagi Projek *Age-Friendly City Seberang Perai* (AFCSP) dijangka akan dikemukakan secara lengkap kepada WHO pada awal November 2025.

Inisiatif ini akan dilaksanakan bermula bulan November 2025 sehingga tahun 2028 dengan kerjasama PWDC melalui tiga (3) fasa:

Fasa 1 – Perancangan: November 2025 sehingga Januari 2027;
Fasa 2 – Pelaksanaan: Februari sehingga November 2027; dan
Fasa 3 – Pemantauan dan Penilaian: Disember 2027 sehingga November 2028.

Antara aktiviti yang dijangka akan dijalankan dalam masa terdekat ialah empat (4) sesi *Focus Group Discussions* (FGD) bagi mengumpul input daripada penduduk kawasan Seberang Perai. Hasil daripada FGD tersebut, input-input yang diterima ini akan digunakan untuk menjalankan penilaian keperluan sebagai asas bagi merangka Pelan Tindakan Strategik AFCSP Tahun 2026.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXIV)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

15. Senaraikan semua aplikasi mudah alih yang dibangunkan oleh agensi Kerajaan Negeri seperti MBPP, MBSP dan sebagainya berserta fungsi utama dan kos pembangunannya.
- (a) Nyatakan jumlah pengguna bagi setiap aplikasi sejak dilancarkan, serta sama ada jumlah tersebut mencapai KPI yang ditetapkan?

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. **JAWAPAN KJAB1** (Jawapan bagi ID 683 selepas menerima semua jawapan KJAB2 dan KJAB3) dikompilkan seperti di dalam jadual di **LAMPIRAN A**

SENARAI APLIKASI MUDAH ALIH KERAJAAN NEGERI

Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)					
Bil.	APLIKASI	FUNGSI	KOS PEMBANGUNAN	JUMLAH PENGGUNA	KPI
1	Penang Smart Parking (PSP)	<p>Aplikasi Penang Smart Parking merupakan aplikasi capaian mobile bagi urusan pembayaran tempat letak kereta yang mudah, cepat dan selamat. Telah mula digunakan sejak 19 Ogos 2019, fungsi utamanya ialah sebagai saluran bayaran tempat letak kereta MBPP secara digital menggantikan penggunaan kupon konvensional serta sekaligus mampu menangani ketidakteraturan yang wujud antara bahagian pulau dan Seberang Perai sebelum ini.</p> <p>Dalam masa yang sama, aplikasi yang berfungsi secara mesra pengguna dan mudah iaitu membantu pemandu mengesan tempat parkir yang terbaik atau destinasi yang dituju dengan pantas dan membayar parkir dengan pembayaran tanpa tunai.</p> <p>Aplikasi ini dibangunkan bukan sahaja memudahkan penduduk tempatan</p>	<p>Secara Private Funding Initiative (PFI) untuk sistem aplikasi dan perkongsian caj hasil oleh penyedia perkhidmatan teknologi, Heitech Padu Berhad melalui konsep konsep 4P - <i>Public, Private, Professional Partnership.</i></p> <p>Skop perkhidmatan adalah pembangunan dan integrasi sistem aplikasi, 14,000 unit sensor, modul penguatkuasa dan pelbagai kompaun, 1,268 unit papan tanda, mengecat dan menyelenggara, pengurusan 481 ejen</p>	<p>1,703,070 Pengguna (Meliputi Google Play, App Store dan Huawei Gallery)</p>	<p>Jumlah tersebut telah mencapai KPI yang ditetapkan oleh MBPP</p>

LAMPIRAN A

Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)					
Bil.	APLIKASI	FUNGSI	KOS PEMBANGUNAN	JUMLAH PENGGUNA	KPI
		<p>malah turut memberi kemudahan kepada para pengunjung dari luar Pulau Pinang kerana dilengkapi dengan kombinasi teknologi sensor sebanyak 14,000 unit yang lengkap dengan sistem pandu arah carian petak parkir, bayaran tanpa tunai mengikut jam/hari dengan transaksi mudah alih serta pemantauan penguatkuasaan dan analisis dalam talian secara menyeluruh.</p> <p>Selain daripada bayaran secara atas talian, turut dibangunkan adalah pembayaran secara e-Kupon bagi membantu golongan yang tidak mempunyai telefon pintar atau mempunyai masalah semasa menggunakan telefon pintar.</p> <p>Aplikasi ini turut dilengkapi dengan fungsi dan peranti Automated Number Plate Recognition (ANPR) bagi operasi penguatkuasa secara masa nyata bagi mengesan pesalah meletak kenderaan serta bayaran yang belum dijelaskan. Terdapat juga fungsi bayaran bagi lain-lain kompaun MBPP seperti kompaun kesihatan dan kebersihan.</p>	e-kupon untuk MBPP, serta promosi penggunaan diseluruh negara.		

LAMPIRAN A

Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)					
Bil.	APLIKASI	FUNGSI	KOS PEMBANGUNAN	JUMLAH PENGGUNA	KPI
2	Pearl One Touch Penang	<p>Apikasi Pearl One Touch Penang merupakan aplikasi capaian secara mobile bagi perkhidmatan-perkhidmatan MBPP berasaskan gerbang e-Wallet Payment Gateway untuk pembayaran tanpa tunai dan pembelian atas talian yang mudah dan selamat untuk kegunaan orang awam, pelancong, perniagaan serta pelabur.</p> <p>lanya telah dilancarkan pada 28 April 2023, dengan fungsi utamanya sebagai saluran setempat bayaran bil-bil perkhidmatan MBPP iaitu cukai taksiran, bayaran kompaun, lesen perniagaan dan permit, bayaran tempat letak kereta untuk pas harian atau mengikut jam, tempahan kemudahan venue seperti balai rakyat, padang atau dewan, dan pelbagai bil-bil perkhidmatan serta sewaan-sewaan MBPP.</p> <p>Selain itu, aplikasi ini juga menyokong industri pelancongan dan ekonomi setempat dengan berintegrasi bersama pemain industri, peniaga kecil dan pihak swasta. Antaranya ialah kemudahan bayaran ChargeSini untuk pengguna</p>	<p>Secara Private Funding Initiative (PFI) untuk sistem aplikasi dan perkongsian caj platform fee oleh penyedia perkhidmatan Fintech, ManagePay Services Sdn. Bhd. (MPay) melalui konsep konsep 4P - <i>Public, Private, Professional Partnership</i>.</p> <p>Skop perkhidmatan adalah pembangunan dan integrasi sistem aplikasi serta promosi penggunaan diseluruh negara.</p>	<p>45,707 Pengguna (Meliputi Google Play, App Store dan Huawei Gallery)</p>	<p>Jumlah tersebut telah mencapai KPI yang ditetapkan oleh MBPP</p>

LAMPIRAN A

Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)					
Bil.	APLIKASI	FUNGSI	KOS PEMBANGUNAN	JUMLAH PENGGUNA	KPI
		<p>kenderaan elektrik (EV) boleh mengecas kenderaan mereka di 52 buah stesen-stesen pengecas EV ChargeSini di seluruh Pulau Pinang, fungsi semakan cuaca masa nyata (<i>weather sensor</i>), informasi perkhidmatan dan kecemasan, maklumat mengenai Tapak Warisan UNESCO George Town, informasi kitar semula dan insentif, lokasi tandas-tandas awam, lokasi AED dan pelbagai lagi turut disediakan. Melalui aplikasi PEARL juga, pengguna boleh membuat aduan dan bencana terus kepada MBPP.</p> <p>Aplikasi ini merupakan antara inisiatif MBPP dalam melaksanakan transformasi digital dengan kemudahan kepada pengguna, khususnya warga Pulau Pinang mengakses lebih dari 100 perkhidmatan atas talian MBPP dalam satu aplikasi. Juga tersedia fungsi DuitNow iaitu pengguna boleh membuat pembayaran dengan PearlPay Wallet di mana-mana kedai yang menerima DuitNow QR serta fungsi Pearl Mastercard.</p>			

LAMPIRAN A

Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)					
Bil.	APLIKASI	FUNGSI	KOS PEMBANGUNAN	JUMLAH PENGGUNA	KPI
1	Penang Smart Parking (PSP)	<p>a) Pembayaran Caj Tempat Letak Kereta (TLK) Secara Digital.</p> <p>b) Mengenalpasti Ruang Tempat Letak Kereta (TLK) Kosong (Find Parking).</p> <p>c) Pembayaran / Semakan Kompaun Tempat Letak Kereta (TLK).</p>	Tiada	<p>1,703,070 Pengguna</p> <p>(Dikemaskini Sehingga 15 Oktober 2025)</p>	Tiada
2	ASPIRE Seberang Perai	<p>a) Merupakan saluran bayaran untuk pelbagai bil seperti cukai taksiran, sewa gerai, kompaun dan lain-lain.</p> <p>b) Ia juga merupakan saluran aduan untuk penduduk Seberang Perai. Permohonan lesen anjing serta tempahan dewan & kompleks sukan juga boleh dibuat di aplikasi ASPIRE.</p>	<p>Kos pembangunan ditanggung oleh penyedia perkhidmatan. MBSP dikenakan caj 1.8% daripada jumlah kutipan</p>	<p>66,707 pengguna</p> <p>(sehingga 25 Oktober 2025)</p>	Tiada

LAMPIRAN A

MAKLUMAT TAMBAHAN KJAB 2 - MBPP

Pembangunan kedua-dua aplikasi ini akan ditambah baik dari semasa ke semasa dan ianya telah membuktikan MBPP komited dengan transformasi digital bagi meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan, mengurangkan kerenah birokrasi, menyokong gaya hidup digital semasa serta memperkukuhkan hubungan digital antara MBPP dan rakyat.

Selain dari inisiatif yang telah dirancang dalam Pelan Transformasi Digital MBPP bagi tempoh 2021-2025, ianya merupakan komitmen MBPP bagi menyokong visi Penang2030 bagi Tema D3 - Mengintegrasikan Perkhidmatan Perbandaran Dengan Teknologi Pintar.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXIV)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

16. Nyatakan jumlah kes yang diterima melalui *First Support Point* setiap tahun mengikut daerah sejak dilancarkan.
- (a) Nyatakan agensi yang bekerjasama dengan program ini.
 - (b) Nyatakan juga tarikh dan kekerapan sesi perbincangan tahunan yang diadakan bagi membincangkan isu serta penambahbaikan pelaksanaan program tersebut.

YB LIM SIEW KHIM

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

16. Sejak pelaksanaan Dasar Keluarga Selamat (DKS) pada tahun 2020, sebanyak 261 kes telah dirujuk kepada *First Support Points* (FSP). Perincian kes setiap tahun mengikut daerah adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Antara agensi dan pihak yang bekerjasama dalam pelaksanaan program di bawah Dasar Keluarga dan Safe Family Policy (FSP) ini ialah:-
 - (i) Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC);
 - (ii) Polis Diraja Malaysia (PDRM);
 - (iii) Pejabat Daerah dan Tanah;
 - (iv) Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga;

- (v) Pusat Khidmat ADUN;
 - (vi) Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK);
 - (vii) Jawatankuasa Belia Pulau Pinang;
 - (viii) Institusi keagamaan;
 - (ix) Badan Bukan Kerajaan (NGO); dan
 - (x) Women's Centre for Change (WCC)
- (b) Bagi membincangkan isu serta penambahbaikan pelaksanaan program *First Support Point* (FSP) di bawah inisiatif Dasar Keluarga Selamat, sesi perbincangan dan libat urus telah diadakan secara berkala melibatkan pelbagai pihak termasuk Pegawai KADUN, Pegawai Daerah, NGO, dan pemimpin komuniti setempat.

Rekod sesi perbincangan tahunan yang telah diadakan dari tahun 2020 hingga 2025 adalah seperti berikut:-

Tahun	Aktiviti / Kumpulan	Tarikh
2021	FGD FSP I bersama Pegawai KADUN	2 Disember 2021
	FGD FSP II bersama Pegawai KADUN	16 Disember 2021
2023	FGD FSP Kumpulan 1	9 Februari 2023
	FGD FSP Kumpulan 2	18 Mac 2023
	FGD FSP bersama Pegawai Daerah	19 Sep 2023
2024	Tiada FGD FSP (Fokus kepada latihan untuk PDRM, JPWK, KADUN dan NGO)	

2025	FGD FSP bersama Penghulu, NGO dan Pusat KADUN	17 Oktober 2025
-------------	---	-----------------

Bagi tahun 2024, tiada sesi Focus Group Discussion (FGD) dijalankan seperti tahun-tahun sebelumnya. Sebaliknya, semua First Support Point (FSP) telah digerakkan untuk turun ke lapangan di kawasan masing-masing dan bekerjasama rapat dengan Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) bagi melaksanakan aktiviti komuniti serta memberi bimbingan dan khidmat nasihat secara terus kepada wanita yang memerlukan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXIV)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

17. Apakah status terkini pengoperasian blok baharu Hospital Seberang Jaya?
- (a) Adakah wad rawatan rapi (ICU) dan dewan bedah telah berfungsi sepenuhnya serta menerima pesakit seperti dirancang?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. Mengikut jadual perancangan, sehingga 11 November 2025, blok baharu Hospital Seberang Jaya dijangka mencapai tahap operasi sebanyak 85%. Jabatan yang masih belum memulakan perkhidmatan di blok baharu ini ialah Jabatan Pediatrik, Kardiologi dan Kardiorasik disebabkan kekangan peralatan perubatan yang masih dalam proses perolehan dan kekurangan sumber manusia termasuk Pegawai Perubatan, Kejururawatan dan perkhidmatan sokongan yang lain.
- (a) Wad Rawatan Rapi (GICU) di blok baharu Hospital Seberang Jaya telah mula beroperasi pada 4 November 2025. Bagi dewan bedah pula, pengoperasian sepenuhnya akan bermula pada 11 November 2025.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXIV)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

18. Nyatakan dengan teliti tentang perkembangan terkini berhubung proses pemberimilikan tanah bagi projek pembangunan semula Hospital Bukit Mertajam.
- (a) Bilakah projek ini dijangka dimulakan dan jangkaan siap?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

18. Cadangan projek pembangunan Hospital Bukit Mertajam kini dalam peringkat permohonan pemberimilikan tanah. Status semasa adalah seperti berikut:
- (i) Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Pemantauan Tanah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Bil.1/2025 yang bersidang pada 21 April 2025 telah bersetuju dengan permohonan pemberimilikan dan pengambilan tanah bagi tujuan cadangan pembangunan Hospital Bukit Mertajam, Pulau Pinang;
 - (ii) Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) sedang menyediakan permohonan pelan pra-hitungan bagi tujuan pemberimilikan tanah;
 - (iii) Tapak cadangan pembangunan Hospital Bukit Mertajam melibatkan Lot Asal 723 (Plot A dan Plot B) serta Lot 10285, Seksyen 4, Bandar Bukit Mertajam, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. Tapak ini turut

melibatkan jalan negeri, iaitu Lorong Usahaniaga 4, yang merentasi kawasan tapak cadangan di bahagian tengah;

- (iv) Oleh itu, pada 14 Oktober 2025, pihak JKNPP telah mengemukakan permohonan peruntukan bagi Pelantikan Perkhidmatan Perunding untuk Kajian Reka Bentuk Konsep dan Penilaian Tapak bagi memastikan kesesuaian dan ketepatan permohonan pemberimilikan tanah dari sudut teknikal serta mengenal pasti keberkesanan penggunaan ruang tanah secara optimum.

- (a) Cadangan projek pembangunan Hospital Bukit Mertajam akan dijangka dikemukakan kepada pihak KKM di bawah permohonan peruntukan projek pada penghujung Rancangan Malaysia Ke-13 (RMKe-13).

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXIV)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

19. Pulau Pinang dijangka menjadi negeri tertua di Malaysia menjelang tahun 2030. Nyatakan pelan strategik Kerajaan Negeri untuk menangani isu-isu berkaitan penuaan penduduk, termasuk penyediaan fasiliti kesihatan geriatrik dan sokongan komuniti warga emas dengan teliti.

YB LIM SIEW KHIM

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

19. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengambil langkah proaktif dalam menghadapi peralihan status negeri menua menjelang tahun 2030. Antara usaha utama ialah pelaksanaan inisiatif Bandar Mesra Usia (Age-Friendly City Initiative) yang dilancarkan pada tahun 2023 di bawah pentadbiran Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) dan Malaysia Healthy Ageing Society (MHAS). Inisiatif ini kini memasuki tahun ketiga pelaksanaan dan sedang berada pada fasa penyerahan laporan kitaran pertama seperti yang digariskan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Sementara itu, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) sedang merangka Pelan Tindakan Strategik Age-Friendly City Seberang Perai (AFCSP) yang dijangka dilaksanakan pada tahun 2026. MBSP juga sedang dalam proses permohonan untuk menjadi ahli Global Network for Age-Friendly Cities and Communities (GNAFCC) di bawah WHO, dan permohonan tersebut dijangka dikemukakan pada bulan November 2025. Dengan pelaksanaan kedua-dua pelan ini,

Pulau Pinang disasarkan menjadi Negeri Mesra Usia sepenuhnya menjelang tahun 2030.

Selain aspek perancangan bandar, Kerajaan Negeri turut memberi perhatian terhadap penyediaan kemudahan dan perkhidmatan kesihatan geriatrik di hospital-hospital kerajaan di seluruh negeri. Antara kemudahan geriatrik yang disediakan adalah seperti berikut:

(i) Daerah Timur Laut

(a) Hospital Pulau Pinang

- (1) Klinik Pesakit Luar Geriatrik
- (2) Lawatan Pakar Geriatrik Pesakit Wad Perubatan

(ii) Daerah Barat Daya

(a) Hospital Balik Pulau

- (1) 2 wad Geriatrik (jumlah katil 7)

(iii) Daerah Seberang Perai Tengah

(a) Hospital Seberang Jaya

- (1) 12 katil Geriatrik dalam Wad Perubatan
- (2) Klinik Pesakit Luar Geriatrik

(b) Hospital Bukit Mertajam

- (1) 8 katil Geriatrik dalam Wad Perubatan
- (2) Klinik Pesakit Luar Geriatrik

(iv) Daerah Seberang Perai Selatan

(a) Hospital Sungai Bakap

- (1) 1 wad Geriatrik (jumlah katil 4)

(2) Klinik Pesakit Luar Geriatrik

Perkhidmatan tambahan turut dilaksanakan seperti *Fracture Liaison Service* bagi pesakit patah tulang, *Memory Clinic* bagi pesakit demensia, serta penambahan jumlah katil hospital dan pusat rehabilitasi geriatrik. Pada masa hadapan, Kerajaan melalui Kementerian Kesihatan turut merancang pelaksanaan *Seamless Geriatric Care* (kerjasama dengan Klinik Kesihatan) dan *Orthogeriatrics* (kerjasama dengan Pakar Ortopedik), tertakluk kepada ketersediaan tenaga profesional multidisiplin seperti jururawat, ahli fisioterapi, ahli pemulihan, ahli farmasi, pakar dietetik dan pakar geriatrik.

Kerajaan Negeri turut memperkukuh jaringan sokongan komuniti warga emas melalui penubuhan sembilan (9) buah Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) yang berperanan sebagai pusat pendampingan sosial dan pembangunan diri warga emas di peringkat komuniti. Pelbagai aktiviti seperti senamrobik, kelas kemahiran dan program kesihatan dijalankan di PAWE dengan peruntukan tahunan daripada Kerajaan Negeri.

Selain itu, melalui Kempen Warga Emas Celik, Kerajaan Negeri memperkasa warga emas dalam bidang kemahiran digital, literasi kewangan, penuaan aktif, hak bersuara dan sosial.

Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri sedang memperkemas garis panduan pendaftaran Pusat Jagaan Warga Emas bagi memudahkan pengusaha membuat pendaftaran secara sah, selamat dan mesra pengusaha.

Kerajaan Negeri turut dalam perbincangan dengan MMK Kerajaan Tempatan bagi mempertimbangkan diskaun 50% atau pengecualian caj infrastruktur (infra fee) kepada pengusaha pusat jagaan, tertakluk kepada keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) yang dijangka dibentangkan menjelang hujung tahun ini.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXIV)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

20. Nyatakan peratusan pegawai wanita dan lelaki yang memegang jawatan penyelia atau jawatan kanan dalam perkhidmatan awam Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada masa ini.
- (a) Adakah mekanisme bagi memastikan proses kenaikan pangkat dilaksanakan secara adil tanpa sebarang *bias jantina*?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

20. Sebanyak 49.4% pegawai wanita dan 50.6 % pegawai lelaki memegang jawatan penyelia atau jawatan kanan yang terdapat dalam Perkhidmatan Awam Negeri, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. Maklumat pegawai wanita dan lelaki yang memegang jawatan penyelia atau jawatan kanan adalah seperti berikut:

Bil.	Jabatan	Wanita	Lelaki
1.	Jabatan Negeri	215	192
2.	Badan Berkanun Negeri	55	44
3.	Pihak Berkuasa Tempatan	137	181
	Jumlah	407	417

- (a) Urusan pemangkuan, kenaikan pangkat dan rayuan pegawai Perkhidmatan Awam Negeri, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan dilaksanakan berdasarkan peraturan-peraturan kenaikan pangkat, peraturan lembaga kenaikan pangkat serta surat pekeliling

perkhidmatan berkaitan yang dijadikan panduan kepada pegawai yang terlibat dalam pengurusan pemangkuan, kenaikan pangkat dan rayuan dalam perkhidmatan awam.

Bagi memastikan urusan pemangkuan dan kenaikan pangkat dilaksanakan secara adil, pegawai awam perlu memenuhi syarat-syarat pemangkuan yang ditetapkan dan akan dipertimbangkan secara merit mengambilkira tahap kecekapan dan prestasi kerja pegawai, kelayakan, pengetahuan, kemahiran dan pengalaman, sifat-sifat peribadi termasuk kesesuaian dengan jawatan kenaikan pangkat, keutuhan, potensi dan kepimpinan pegawai serta kegiatan luar dan sumbangan pegawai kepada masyarakat dan negara.

Lembaga kenaikan pangkat juga boleh mengambil kira aspek lain yang difikirkan relevan antaranya kebolehan dan potensi pegawai dengan jawatan kenaikan pangkat yang dinilai melalui kaedah-kaedah seperti temu duga, peperiksaan atau pusat penilaian *assessment centre*, kriteria penilaian khas berkaitan dengan bidang kerja seperti kriteria kecemerlangan atau penyelidikan, personaliti dan tingkah laku yang baik serta kebolehan mewujudkan perhubungan yang harmoni dan kesesuaian dan penerimaan Ketua Jabatan/ Ketua Perkhidmatan.

Sekiranya terdapat dua atau lebih pegawai yang diputuskan sama dari segi merit, Lembaga hendaklah mengambil kira kelayakan akademik atau pengalaman kerja yang berkaitan dengan jawatan kenaikan pangkat disamping kekananan pegawai dalam memberikan pertimbangan pemangkuan seseorang pegawai. Justeru, tidak timbul isu *bias jantina* dalam urusan kenaikan pangkat penjawat awam.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXIV)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

21. Nyatakan bilangan pusat perlindungan sementara, bantuan guaman dan kaunseling kepada mangsa keganasan rumah tangga serta serangan seksual di Pulau Pinang.
- (a) Nyatakan jumlah penerima bantuan dalam tempoh 10 tahun mengikut daerah.
 - (b) Adakah kemudahan sedia ada mencukupi bagi menampung keperluan meningkat?

YB LIM SIEW KHIM

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

21. Pusat perlindungan sementara yang diwartakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat sebagai Tempat Selamat adalah Anjung Singgah di Lebu Chulia. Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga turut bekerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang (JKM) bagi mendaftarkan premis di bawah seliaan Persatuan Pembela Wanita Pulau Pinang sebagai tempat perlindungan sementara.

JKM tidak menyediakan bantuan guaman. Namun demikian, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Pusat Kesedaran Wanita (WCC) dan Pusat Perkhidmatan Wanita (PPW) ada menyediakan perkhidmatan sokongan di mahkamah bagi membantu mangsa keganasan seksual dan rumah tangga.

- (a) Bilangan penerima perkhidmatan sokongan di mahkamah yang dibekalkan oleh Pusat Kesedaran Wanita (WCC) dan Pusat Perkhidmatan Wanita (PPW) adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan penerima perkhidmatan sokongan di mahkamah
2016	27
2017	48
2018	28
2019	14
2020	23
2021	2
2022	22
2023	16
2024	19
Jumlah	199

Berdasarkan statistik daripada pihak JKM pula, sebanyak 70 kes keganasan rumah tangga telah menerima intervensi dalam tempoh tahun 2016 hingga 31 Oktober 2025. Intervensi ini dilaksanakan melalui dua (2) bentuk perkhidmatan utama, iaitu:

- (i) Perkhidmatan kaunseling: 62 kes (89%)
- (ii) Perlindungan di tempat selamat: 8 kes (11%)

Selain itu, bilangan kes keganasan rumah tangga yang berpunca daripada pelaku memaksa atau mengancam untuk melakukan perbuatan berbentuk seksual atau selainnya, yang mana mangsa berhak untuk tidak melakukannya, turut diperincikan mengikut daerah bagi tempoh tahun 2016 hingga 31 Oktober 2025.

Perincian berkaitan data-data tersebut adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

- (b) Kemudahan sedia ada berfungsi buat sementara waktu, namun Kerajaan Negeri sedang meneliti perancangan untuk menambah kemudahan tersebut bagi menampung keperluan yang semakin meningkat, khususnya dalam aspek perlindungan mangsa keganasan rumah tangga.

Kerajaan Negeri melalui JKM akan meneruskan kerjasama strategik dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan agensi berkaitan bagi memastikan mangsa yang memerlukan intervensi segera dapat ditempatkan dalam persekitaran yang selamat, sesuai dan kondusif.

LAMPIRAN A

BILANGAN KES KEGANASAN RUMAH TANGGA YANG BERPUNCA DARIPADA PELAKU MEMAKSA ATAU MENGANCAM
UNTUK MELAKUKAN PERBUJATAN BERBENTUK SEKSUAL ATAU SELAINNYA YANG MANA MANGSA ITU BERHAK
UNTUK TIDAK MELAKUKANNYA MENGIKUT DAERAH BAGI TAHUN 2016 HINGGA 31 OKTOBER 2025 BAGI JABATAN
KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI PULAU PINANG

TAHUN	PKMDTL	PKMDSPU	PKMDSPT	PKMDSPS	PKMDBD	JUMLAH
2016	-	-	9	-	2	11
2017	-	1	-	1	1	3
2018	-	1	2	-	2	5
2019	-	4	-	-	-	4
2020	3	7	2	-	1	13
2021	-	-	-	-	-	-
2022	2	1	1	-	-	4
2023	-	1	-	-	-	1
2024	1	-	1	-	-	2
2025	-	-	1	-	-	1
JUMLAH	6	15	16	1	6	44

LAMPIRAN A

BILANGAN KES KEGANASAN RUMAH TANGGA YANG MENERIMA PERKHIDMATAN KAUNSELING DAN PERLINDUNGAN TEMPAT SELAMAT MENGIKUT DAERAH BAGI TAHUN 2016 HINGGA 31 OKTOBER 2025 BAGI JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI PULAU PINANG

TAHUN	PERKHIDMATAN KAUNSELING					PERLINDUNGAN TEMPAT SELAMAT					JUMLAH
	TL	SPU	SPT	SPS	BD	TL	SPU	SPT	SPS	BD	
2016	6	-	6	-	-	1	-	-	-	-	13
2017	5	2	1	-	1	-	1	-	-	-	10
2018	-	1	1	-	1	-	-	-	-	-	3
2019	1	1	1	-	-	-	-	-	-	-	3
2020	1	1	-	-	-	-	-	-	-	-	2
2021	6	3	2	-	2	1	-	-	-	-	14
2022	3	-	1	2	-	1	-	-	-	-	7
2023	1	4	4	-	-	1	-	-	-	-	10
2024	-	1	1	-	-	-	1	1	-	-	4
2025	-	1	1	1	-	-	1	-	-	-	4
JUMLAH	23	14	18	3	4	4	3	1	-	-	70

PETUNJUK:

TL = TIMUR LAUT

SPU = SEBERANG PERAI UTARA

SPT = SEBERANG PERAI TENGAH

SPS = SEBERANG PERAI SELATAN

BD = BARAT DAYA

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXIV)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

22. Nyatakan bilangan *digital library* serta peruntukan yang diberikan setiap tahun sejak mula beroperasi.
- (a) Jelaskan bentuk kerjasama antara Kerajaan Negeri dan Digital Library Bukit Mertajam (Jit Sin), termasuk butiran peruntukan dan adakah peruntukan tahunan dijanjikan?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

22. Perpustakaan Digital Pulau Pinang di bawah pengurusan Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) terdiri daripada tiga (3) buah perpustakaan, iaitu Perpustakaan Digital Pulau Pinang (PDL), Perpustakaan Digital Butterworth (BDL) dan Perpustakaan Digital Batu Maung (BMDL).

Kos pengurusan Perpustakaan Digital ditanggung melalui Peruntukan Mengurus CMI yang merangkumi pembayaran gaji empat (4) orang kakitangan perpustakaan dan lima belas (15) orang sukarelawan. Peruntukan tersebut juga digunakan bagi tujuan pembayaran perkhidmatan kawalan keselamatan, perkhidmatan pembersihan, bayaran utiliti (bil elektrik dan air), penyelenggaraan sistem teknologi maklumat serta penyelenggaraan bangunan.

Anggaran kos pengoperasian bagi ketiga-tiga Perpustakaan Digital adalah sebanyak RM1.5 juta setahun.

- (a) Kerajaan Negeri turut memberikan komitmen kepada Persatuan Bekas Murid-murid Sekolah Jit Sin Bukit Mertajam bagi penubuhan Perpustakaan Digital Bukit Mertajam (Jit Sin) seperti berikut:
- (i) Satu Memorandum Persefahaman (MoU) telah ditandatangani pada 18 September 2022;
 - (ii) Peruntukan sebanyak RM300,000.00 secara one-off telah disediakan bagi tujuan pembangunan;
 - (iii) Peruntukan tambahan sebanyak RM200,000.00 daripada Jabatan Kewangan Negeri telah disalurkan pada 4 November 2024 bagi tujuan program dan perbelanjaan;
 - (iv) Sistem bahan bacaan PDL boleh diakses secara dalam talian, di mana kos langganan sistem *e-book* ditanggung oleh CMI; dan
 - (v) Khidmat nasihat berkaitan pengurusan dan pengoperasian perpustakaan turut diberikan kepada pihak Perpustakaan Digital Bukit Mertajam (Jit Sin).

Tiada peruntukan tahunan yang dijanjikan kepada pihak berkenaan. Walau bagaimanapun, kerjasama berterusan di antara CMI dan Perpustakaan Digital Bukit Mertajam (Jit Sin) diteruskan dari segi pemberian khidmat nasihat pengurusan dan pengoperasian perpustakaan serta akses kepada bahan bacaan *e-book* Perpustakaan Digital Pulau Pinang.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXIV)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

23. Nyatakan jumlah peruntukan setiap tahun bagi George Town Festival (GTF) sejak diperkenalkan.
- (a) Apakah perancangan jangka panjang bagi GTF dan peruntukan bagi 2026?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

23. Jumlah peruntukan setiap tahun bagi Penganjuran George Town Festival (GTF) sejak diperkenalkan adalah seperti Jadual 1.

Jadual 1: Peruntukan bagi Penganjuran George Town Festival (GTF) (2010-2026)

TAHUN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
George Town Festival 2010	1,000,000
George Town Festival 2011	1,000,000
George Town Festival 2012	1,750,000
George Town Festival 2013	3,000,000
George Town Festival 2014	3,000,000
George Town Festival 2015	3,500,000

TAHUN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
George Town Festival 2016	4,000,000
George Town Festival 2017	4,500,000
George Town Festival 2018	4,000,000
George Town Festival 2019	3,000,000
George Town Festival 2020	3,000,000
George Town Festival 2021	1,500,000
George Town Festival 2022	1,500,000
George Town Festival 2023	1,500,000
George Town Festival 2024	1,500,000
George Town Festival 2025	1,500,000
George Town Festival 2026	1,500,000 (Perancangan)

- (a) GTF beraspirasi untuk menjadi festival seni terkemuka di Asia Tenggara dengan menonjolkan kreativiti, warisan serta inovasi budaya. GTF menumpukan kepada pembangunan ekosistem seni yang mampan dan inklusif melalui penyediaan ruang untuk penggiat seni tempatan, kebangsaan dan serantau. Melalui kerjasama antarabangsa serta penerapan teknologi digital seperti platform dalam talian, pameran maya dan interaksi digital, GTF memperluas capaian dan penglibatan masyarakat. Festival ini terus kekal relevan sebagai ruang dinamik yang menghubungkan seni, komuniti dan masyarakat global.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXIV)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

24. Nyatakan senarai projek pembangunan yang sedang dan telah dilaksanakan di Pasar Bandar Bukit Mertajam serta kosnya.
- (a) Adakah kemajuan setiap projek tersebut berjalan mengikut jadual yang telah ditetapkan?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. Senarai projek pembangunan sedang dan telah dilaksanakan di Pasar Bandar Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang berserta kosnya adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Ya, kemajuan setiap projek di Pasar Bandar Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang berjalan mengikut jadual yang telah ditetapkan.

LAMPIRAN A

SENARAI PROJEK PEMBANGUNAN YANG TELAH DAN SEDANG DILAKSANAKAN BERSERTA KOS DI PASAR BANDAR BUKIT MERTAJAM

TAHUN	SKOP KERJA	KOS	STATUS
2022	(i) Menaik taraf sistem bekalan air di pasar	RM19,800.00 (Ringgit Malaysia: Sembilan Belas Ribu Lapan Ratus Sahaja)	Siap mengikut jadual
	(ii) Kerja-kerja pembaikan longkang dan lantai	RM60,461.22 (Ringgit Malaysia: Enam Puluh Ribu Empat Ratus Enam Puluh Satu dan Dua Puluh Dua Sen Sahaja)	Siap mengikut jadual
2023	Pembaikan bumbung, gutter dan penggantian grating longkang	RM41,081.74 (Ringgit Malaysia: Empat Puluh Satu Ribu Lapan Puluh Satu dan Tujuh Puluh Empat Sen Sahaja)	Siap mengikut jadual
2024	(i) Penggantian grating	RM37,535.98 (Ringgit Malaysia: Tiga Puluh Tujuh Ribu Lima Ratus Tiga Puluh Lima dan Sembilan Puluh Lapan Sen Sahaja)	Siap mengikut jadual

LAMPIRAN A

SENARAI PROJEK PEMBANGUNAN YANG TELAH DAN SEDANG DILAKSANAKAN BERSERTA KOS DI PASAR BANDAR BUKIT MERTAJAM

TAHUN	SKOP KERJA	KOS	STATUS
2024	(ii) Pembaikan lantai Ro-Ro	RM6,049.59 (Ringgit Malaysia: Enam Ribu Empat Puluh Sembilan dan Lima Puluh Sembilan Sen Sahaja)	Siap mengikut jadual
	(iii) Kerja-kerja pembaikan konkrit pada ramp dan lantai tempat sampah	RM6,148.64 (Ringgit Malaysia: Enam Ribu Satu Ratus Empat Puluh Lapan dan Enam Puluh Empat Sen Sahaja)	Siap mengikut jadual
2025	Kerja-kerja pembangunan semula Pasar Awam Bukit Mertajam	RM23,396,196.60 (Ringgit Malaysia: Dua Puluh Tiga Juta Tiga Ratus Sembilan Puluh Enam Ribu Satu Ratus Sembilan Puluh Enam dan Enam Puluh Sen Sahaja)	Dalam tempoh pelaksanaan. Kemajuan semasa (sehingga 15 Oktober 2025): Jadual: 20% Sebenar: 17%

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXIV)25

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

25. Nyatakan perancangan pendek dan panjang Kerajaan Negeri terhadap kesesakan lalu lintas di Jalan Kulim.
- (a) Nyatakan perancangan pelebaran sebelum ini dengan teliti.
 - (b) Berapa jumlah kos jika projek pelebaran dijalankan tahun depan?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

25. Projek-projek cadangan bagi perancangan jangka masa panjang untuk menangani kesesakan lalu lintas di Jalan Kulim telah pun disenaraikan dalam Rancangan Pembangunan Negeri Pulau Pinang (RPNPP). Senarai projek-projek tersebut adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Perancangan bagi projek pelebaran Jalan Kulim telah bermula sejak tahun 2016. Kerja ukur tanah telah dilaksanakan oleh juruukur yang dilantik oleh Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang (JKRPP). Susulan daripada itu, perunding lantikan JKRPP telah melaksanakan proses penyediaan reka bentuk dan penyediaan tender dari tahun 2018 sehingga 2020. Pada tahun 2022, kerja-kerja ukur tanah dan penyediaan pelan Pengambilan Balik Tanah (PBT) telah siap dilaksanakan dan JKRPP telah memulakan proses permohonan peruntukan sejak dari tahun 2023 untuk PBT dan pembinaan. Projek ini

tertangguh kerana menunggu kelulusan peruntukan dan penyelesaian isu PBT termasuk rundingan dengan pemilik tanah seperti Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) untuk jalan-jalan berdekatan seperti Jalan Kampung Besar.

- (b) Anggaran kos semasa pelaksanaan projek ini adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A

PROJEK-PROJEK CADANGAN BAGI PERANCANGAN JANGKA MASA PANJANG UNTUK MENANGANI KESESAKAN LALU LINTAS DI JALAN KULIM

BIL.	CADANGAN PROJEK	STATUS	ANGGARAN KOS (RM)
1	Cadangan pelebaran Jalan Kulim hingga sempadan Negeri Kedah dari dua (2) lorong kepada empat (4) lorong (Fasa 1)	Menunggu kelulusan peruntukan untuk pembinaan serta Pengambilan Balik Tanah	34.5 juta
2	Cadangan pelebaran Jalan Kulim hingga sempadan Negeri Kedah dari dua (2) lorong kepada empat (4) lorong (Fasa 2)	Menunggu kelulusan peruntukan untuk pembinaan serta Pengambilan Balik Tanah	16.4 juta
3	Cadangan pelebaran Jalan Kulim hingga sempadan Negeri Kedah dari dua (2) lorong kepada empat (4) lorong (Fasa 3)	Menunggu kelulusan peruntukan untuk pembinaan serta Pengambilan Balik Tanah	14.3 juta
4	Cadangan pelebaran dan peaktifan persimpangan Jalan Maju/Jalan Berjaya ke Jalan Kulim	Menunggu kelulusan peruntukan untuk kerja ukur dan reka bentuk	3.0 juta
5	Pengambilan Balik Tanah (PBT) bagi projek cadangan pelebaran Jalan Kulim hingga sempadan Negeri Kedah dari dua (2) lorong kepada empat (4) lorong (Fasa 1, 2 dan 3)	-	100.0 juta

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXIV)26

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

26. Nyatakan butiran projek Northern TechValley @ BKE, termasuk lokasi, keluasan dan nilai pelaburan.
- (a) Berapakah jumlah peluang pekerjaan yang dijangka diwujudkan?
 - (b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri bagi menambah kemudahan perumahan untuk menampung pertumbuhan penduduk dan tenaga kerja di kawasan tersebut?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

26. Permohonan Kebenaran Merancang (PKM) projek Northern TechValley@BKE bagi cadangan pembangunan industri dan rumah mampu milik yang terletak di Lot 149, 150, 189, 664, 665, 668, 801, 802, 1349, 1350, 1351, 1352, 1353, 1362 dan 10635 (PT 66) Mukim, 19, Seberang Perai Tengah oleh Tetuan Suling Hill Development Sdn. Bhd. telah diluluskan oleh MBSP pada 6 Julai 2023 dengan keluasan 173.12 ekar. Projek ini dibangunkan bersama Majestic Gen dan AME Elite Consortium Berhad, dengan menyasarkan syarikat perusahaan kecil dan sederhana untuk beroperasi di kawasan tersebut. Pada masa ini, kerja-kerja tanah sedang dijalankan.

Berdasarkan maklumat Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (*Malaysian Investment Development Authority-MIDA*), sehingga kini, tiada permohonan projek pelaburan untuk sektor perkilangan yang diluluskan oleh MIDA di Northern TechValley @ BKE.

- (a) Tiada maklumat berkaitan jumlah peluang pekerjaan yang dijangka diwujudkan. Namun projek ini dijangkakan akan menjadi pemangkin dalam mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan berkemahiran tinggi.

- (b) Kawasan projek juga telah diluluskan PKM oleh MBSP dengan komponen pembangunan perumahan mampu milik sebanyak 150 unit. Pembangunan ini dirancang bagi meningkatkan kemudahan perumahan di kawasan sekitar, khususnya untuk menampung pertumbuhan penduduk dan keperluan tenaga kerja yang semakin meningkat. Inisiatif ini sejajar dengan usaha Kerajaan Negeri untuk memperkukuh kesejahteraan komuniti setempat melalui penyediaan perumahan sekali gus menyokong pembangunan sosioekonomi yang seimbang di wilayah Seberang Perai.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXIV)27

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

27. Bolehkah Kerajaan Negeri menjalankan TIA bagi Jalan Kampung Besar yang kini tidak lagi mampu menampung aliran trafik?
- (a) Nyatakan tarikh serta butiran perbincangan antara Kerajaan Negeri dan RAC berhubung hak laluan serta rancangan peluasan jalan dalam tempoh 7 tahun lalu.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

27. Kerajaan Negeri mengambil maklum akan keadaan lalu lintas di Jalan Kampung Besar yang semakin sesak dari semasa ke semasa. Sehubungan itu, Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang (JKRPP) mempunyai perancangan untuk melaksanakan satu (1) kajian lalu lintas di laluan tersebut pada tahun 2026 tertakluk kepada ketersediaan peruntukan semasa.
- (a) Projek menaik taraf Jalan Kampung Besar merupakan salah satu projek yang telah disenaraikan di bawah Rancangan Pembangunan Negeri Pulau Pinang (RPNPP). Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang (JKRPP) telah melakukan pertemuan bersama Perbadanan Aset Keretapi (RAC) pada 26 Julai 2017 bagi membincangkan berkenaan pelaksanaan projek tersebut. Walau bagaimanapun, projek tersebut terpaksa ditangguhkan kerana jajaran jalan sedia ada melibatkan kawasan tanah milik RAC.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXIV)28

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

28. Berapakah peratusan pegawai Orang Kurang Upaya (OKU) dalam agensi Kerajaan Negeri dan adakah sasaran 1% telah dicapai?
- (a) Apakah langkah Kerajaan Negeri bagi memastikan semua bangunan awam dan sistem pengangkutan mencapai standard mesra OKU sepenuhnya menjelang tahun 2026?

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

28. Secara keseluruhannya, jumlah peratusan pegawai awam Orang Kurang Upaya (OKU) yang berkhidmat di agensi Kerajaan Negeri adalah sebanyak 0.83% iaitu hampir mencecah 1% sasaran yang ditetapkan. Pecahan jumlah pegawai awam OKU di agensi Kerajaan Negeri adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

Penyertaan OKU ke dalam Perkhidmatan Awam Negeri, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan adalah dilaksanakan melalui pengambilan yang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Melantik masing-masing berdasarkan syarat lantikan yang telah ditetapkan dalam skim perkhidmatan.

- (a) Bagi memastikan semua sistem pengangkutan mencapai standard mesra OKU sepenuhnya menjelang tahun 2026, pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) komited dalam menyediakan kemudahan laluan pejalan kaki awam di dalam kawasan bandaraya dan akan memastikan semua laluan pejalan kaki awam adalah mematuhi

peraturan aksesibiliti sejagat (*Universal Design (UD) & Accessibility*) dengan menetapi MS1184 melalui pendekatan seperti yang berikut:

(i) Kawalan pembangunan baharu

MBPP telah mensyaratkan pemajuan yang mengambil kira kemudahan dan fasiliti serta aksesibiliti untuk golongan OKU hendaklah disediakan mengikut Seksyen 34A Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1986 dan mengikut piawaian '*Malaysian Standard M.S. 1184*';

(ii) Projek-projek menaiktaraf laluan pejalan kaki

Pada setiap tahun, MBPP akan menyediakan peruntukan bagi membina atau menaik taraf laluan pejalan kaki di lokasi-lokasi yang telah dikenal pasti bagi memberi keselesaan dan menjamin keselamatan pengguna. Selain itu, elemen mesra OKU juga adalah salah satu elemen penting yang diterapkan di dalam pembinaan dan kerja menaiktaraf di semua projek laluan pejalan kaki tersebut supaya dapat digunakan dan memberi manfaat kepada semua golongan masyarakat. Senarai projek dan kos yang telah dibelanjakan oleh MBPP untuk membina dan menaik taraf laluan pejalan kaki di sekitar kawasan bandaraya George Town dari tahun 2023 hingga 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN B**;

(iii) Penyediaan *platform ramp* dan ruang untuk OKU di dalam bas

MBPP sentiasa bekerjasama dengan Syarikat Rapid Bus Sdn. Bhd. dalam menambah baik perkhidmatan bas di kawasan pulau untuk memudahkan orang awam menggunakan perkhidmatan bas terutama kepada golongan OKU. Semua bas rapid yang beroperasi di atas jalanraya mempunyai *platform ramp* di bahagian tengah bas untuk memudahkan penumpang berkerusi roda, warga emas atau individu berkeperluan khas untuk naik dan turun bas dengan selamat tanpa perlu menaiki tangga bas. Di

samping itu, ruang khas di dalam bas untuk kerusi roda lengkap dengan tali keselamatan; dan

(iv) Pembinaan pondok perhentian bas

MBPP telah membina dan menaik taraf pondok perhentian bas yang lama dan usang secara berperingkat. Bermula tahun 2010, MBPP telah menaik taraf pondok perhentian bas lama jenis *galvanized steel* kepada jenis *tempered glass* yang lebih mesra pengguna dari segi keselesaan dan keselamatan. Kesemua pondok perhentian bas yang telah dibina mempunyai ciri-ciri kemudahan mesra OKU seperti *guiding block*, *warning textiles*, pagar (*railing*), landasan (*ramp*) serta lampu. Pemasangan lampu pada pondok perhentian bas untuk pencahayaan demi keselamatan pengguna bas awam pada waktu malam sedang dilaksanakan secara berperingkat.

Dilaporkan bahawa MBPP telah membina dan menaik taraf sebanyak 600 buah pondok perhentian bas di seluruh kawasan pulau. Sebahagian pondok perhentian bas yang dibina telah dilengkapi ciri-ciri mesra OKU. Kini, MBPP sedang mengenal pasti sebahagian pondok perhentian bas yang tidak memenuhi ciri-ciri mesra OKU dan kerja pembaikan dan menaik taraf akan dilaksanakan pada suku pertama tahun 2026.

Seterusnya, sebanyak 418 buah pondok perhentian bas telah dipasang lampu dan sebanyak 112 buah pondok perhentian sedang dalam proses pemasangan lampu solar dan kerja-kerja pemasangan lampu solar dijangka akan disiapkan sepenuhnya pada 30 November 2025 manakala baki sebanyak 70 buah pondok perhentian bas lagi akan dipasang lampu solar pada tahun 2026.

Di peringkat Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), langkah-langkah yang diambil untuk memastikan semua bangunan awam mencapai standard mesra OKU menjelang tahun 2026 adalah seperti yang berikut:

- (i) Setiap pembangunan terutamanya melibatkan bangunan kegunaan awam di kawasan MBSP disyaratkan untuk

- mematuhi keperluan rekabentuk sejagat *Universal Design* (UD) melalui:
- (a) Borang Semakan Rekabentuk Sejagat;
 - (b) *Malaysia Standard (MS 1184:2014) Universal Design and Accessibility in the Built Environment - Code of Practice*;
 - (c) Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 yang merangkumi keperluan untuk OKU, kanak-kanak, ibu mengandung dan warga emas;
- (ii) MBSP menganggotai Jawatankuasa Kumpulan Tindakan Aksesibiliti Pulau Pinang (*Penang Accessibility Action Group - PAAG*) yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2016 bertujuan memperkasa dan mempertingkatkan kesejahteraan orang ramai di Pulau Pinang; dan
- (iii) MBSP mengadakan Audit Aksesibiliti terhadap bangunan-bangunan awam, kawasan lapang dan kemudahan masyarakat yang baru serta sedia ada dalam penambahbaikan kemudahan *Universal Design* (UD) kepada masyarakat.

Di peringkat Jabatan Kerja Raya (JKR), elemen mesra OKU akan diambil kira dalam projek pembangunan baharu atas keperluan pelanggan dan syarat Pihak Berkuasa Tempatan manakala bagi fasiliti OKU untuk bangunan sedia ada, ianya tertakluk kepada peruntukan naik taraf yang diluluskan.

**PECAHAN JUMLAH PEGAWAI AWAM OKU
DI AGENSI KERAJAAN NEGERI**

BIL.	AGENSI	JUMLAH PENGISIAN TETAP & KONTRAK	JUMLAH PENGISIAN PEGAWAI AWAM OKU	PERATUSAN
1.	Jabatan Negeri	3,887	33	0.85%
2.	Badan Berkanun Negeri	659	7	1.06%
3.	Pihak Berkuasa Tempatan	7,012	56	0.80%
Jumlah		11,558	96	2.71%

SENARAI PROJEK DAN KOS YANG TELAH DIBELANJAKAN OLEH MBPP UNTUK MEMBINA DAN MENAIKTARAF LALUAN PEJALAN KAKI DI SEKITAR KAWASAN BANDARAYA GEORGE TOWN DARI TAHUN 2023 HINGGA 2025

BIL	KADUN	PEMBIAYAAN	NAMA JALAN	DAERAH	PANJANG (M)	KOS (RM)	TAHUN
1	N29 KOMTAR	MBPP	Jalan Sungai Ujong	DTL	112	92,787.35	2023
2	N29 BATU LANCANG	MBPP	Lebuhraya Jelutong (Dari Persimpangan Lorong Ipoh Hingga Sungai Jelutong)	DTL	365	356,939.50	2023
3	N29 BATU LANCANG	MBPP	Jalan Jelutong (Dari Premis No. 410-A Hingga Premis No. 426)	DTL	160	230,030.00	2023
4	N30 SUNGAI PINANG	BP1 KPKT	Sebahagian Jalan Sungai Dan Sebahagian Jalan Maqbul	DTL	120	167,007.00	2023
5	N25 PULAU TIKUS	MBPP	Jalan Tull	DTL	582	500,005.00	2023
6	N26 PADANG KOTA	MBPP	Lebu Light (Dari Lebu King Hingga Jalan Masjid Kapitan Keling) Dan Sebahagian Jalan Masjid Kapitan Keling	DTL	250	429,501.84	2024
7	N29 KOMTAR	MBPP	Jalan Anson (Dari persimpangan Jalan Macalister sehingga persimpangan Lebu Melaka)	DTL	170	295,035.00	2024
8	N25 PULAU TIKUS	MBPP	Jalan Dato Keramat (Hadapan Public Bank)	DTL	190	269,481.38	2024
9	N29 BATU LANCANG	BP1 KPKT	Taman Hijau 2	DTL	210	117,591.35	2024
10	N33 AIR ITAM	MARRIS	Jalan Ayer Itam (Dari persimpangan Jalan Ibbetson Hingga Persimpangan Jalan Grove)	DTL	580	389,06.78	2024
11	N29 KOMTAR	MARRIS	Lebu Carnarvon	DTL	370	1,954,000.00	2025

LAMPIRAN B

SENARAI PROJEK DAN KOS YANG TELAH DIBELANJAKAN OLEH MBPP UNTUK MEMBINA DAN MENAIKTARAF LALUAN PEJALAN KAKI DI SEKITAR KAWASAN BANDARAYA GEORGE TOWN DARI TAHUN 2023 HINGGA 2025

BIL	KADUN	PEMBIAYAAN	NAMA JALAN	DAERAH	PANJANG (M)	KOS (RM)	TAHUN
12	N27 PENGKALAN KOTA	BP1 KPKT	Lebih McNair (Dari LebuH Herriot Hingga LebuH Sandiland)	DTL	145	153,955.00	2025
13	N25 PULAU TIKUS	BP1 KPKT	Lebuhraya Babington	DTL	160	287,312.00	2025
14	N26 PADANG KOTA	MBPP	Jalan Tun Syed Shed Barakbah Dan LebuH Light	DTL	330	402,695.00	2025
15	N26 PADANG KOTA	MBPP	Jalan Larut (Hadapan Sekolah Kebangsaan Welesley)	DTL	120	215,000.00	2025
16	N27 PENGKALAN KOTA	BP1 KPKT	Lintang Macallum 1	DTL	160	317,137.00	2025
17	N29 KOMTAR	BP1 KPKT	LebuH Cintra	DTL	220	350,055.00	2025
18	N25 PULAU TIKUS	MBPP	Jalan Utama (Laluan Berbumbung)	DTL	200	271,010.10	2025
19	N29 BATU LANCANG	MBPP	Jalan Van Praagh	DTL	300	235,682.00	2025
			JUMLAH PERUNTUKAN DIBELANJAKAN		4,599	6,530,176.30	